

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS
2024

HARI ISNIN : 9 DISEMBER 2024

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 48)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE
SULAIMAN [BACHOK]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI MOHD SYAHIR BIN CHE SULAIMAN [BACHOK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah proaktif yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan kadar pendaftaran SSM yang masih rendah memandangkan dilaporkan terdapat hanya sekitar 1.6 juta perniagaan daftar SSM yang aktif ketika ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SSM, selaku badan yang bertanggungjawab dalam mengawal selia entiti perniagaan, syarikat dan perkongsian liabiliti terhad, telah dan akan terus mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan mendaftarkan perniagaan dengan SSM. Sehingga 30 November 2024, jumlah entiti perniagaan yang telah didaftarkan serta diperbadankan di SSM dan berstatus aktif adalah seperti berikut:

1. 1,671,886 perniagaan yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) di mana 1,446,913 adalah perniagaan milikan tunggal dan 224,973 adalah perniagaan perkongsian konvensional;
2. 689,134 syarikat diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016; dan
3. 36,912 perkongsian liabiliti terhad didaftarkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Oleh yang demikian, keseluruhan entiti perniagaan yang berdaftar di negara ini dan berstatus aktif ialah sebenarnya 2,397,932 iaitu bagi 3 bentuk entiti perniagaan dan korporat yang dibenarkan untuk didaftarkan bagi menjalankan perniagaan di negara ini. Angka 1.6 juta yang dinyatakan oleh YB Bachok itu adalah hanya bagi entiti perniagaan tunggal dan perkongsian konvensional yang berdaftar di bawah APP 1956 sahaja.

Bagi meningkatkan kadar pendaftaran entiti-entiti perniagaan, SSM giat menjalankan pelbagai usaha kerjasama strategik dengan jabatan Kerajaan, agensi Kerajaan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Persatuan Perniagaan serta menggunakan media massa bagi menggalakkan semua golongan masyarakat, termasuk belia, usahawan dan pihak korporat, untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM.

SSM juga telah dan akan terus menyediakan pelbagai program latihan dan keusahawanan kepada masyarakat untuk meningkatkan

pemahaman tentang peranan dan fungsi SSM, dengan matlamat meningkatkan jumlah pendaftaran perniagaan di Malaysia. Dimaklumkan, kini, pendaftaran perniagaan di Malaysia lebih mudah dan pantas melalui portal EzBiz Online (www.ezbiz.ssm.com.my), yang membolehkan usahawan untuk mendaftarkan perniagaan mereka secara dalam talian tanpa perlu hadir ke kaunter SSM.

Antara inisiatif dan program yang telah dan akan diteruskan oleh SSM bagi mempertingkatkan jumlah pendaftaran perniagaan terutamanya bagi jenis perniagaan mikro dan kecil di bawah APP 1956 adalah seperti berikut:

1. Skim Pendaftaran Perniagaan Percuma (SPPP);
2. Program Bimbingan Usahawan (PBU) dan Program Usahawan Muda (PUM);
3. Skim 1 OKU 1 Perniagaan (S1O1P);
4. Perkhidmatan Portal Ezbiz Online;
5. Perkhidmatan EzBiz On.The.Go;
6. Taklimat mengenai SSM BizTrust;
7. Perkhidmatan SSM Zoomers; dan
8. Taklimat berkaitan pendaftaran perniagaan di bawah APP 1956.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WETROM BIN BAHANDA
[KOTA MARUDU]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK WETROM BIN BAHANDA [KOTA MARUDU] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah status terkini perancangan Kementerian dalam membangun kawasan-kawasan pelancongan di Kota Marudu dan sejauh mana perkembangan projek naik taraf yang dijalankan di kawasan pelancongan Kota Marudu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) (RP1 sehingga RP4), Kerajaan Persekutuan melalui MOTAC telah meluluskan sebanyak 55 projek pembangunan serta penyelenggaraan dengan peruntukan berjumlah RM51,377,228 kepada Negeri Sabah termasuk sejumlah RM1,050,000 bagi membiayai empat (4) buah projek penyelenggaraan di Kota Marudu, Sabah.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perancangan dan pembangunan pelancongan di Kota Marudu adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri Sabah melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang berkenaan. Sehubungan itu, MOTAC mengalu-alukan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dan bersedia untuk mempertimbangkan sebarang permohonan baharu selaras dengan halatuju MOTAC dan keutamaan Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar (KePKAS) bagi membantu menaiktaraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan di Negeri Sabah demi menyokong industri pelancongan tempatan sekaligus menjana ekonomi setempat dengan syarat, aspek penyelenggaraan secara berkala dan pengurusan pengoperasian diberi perhatian yang sewajarnya.

3. Kementerian ini sentiasa menyokong sebarang projek pembangunan yang dapat membantu meningkatkan industri pelancongan dan kebudayaan dan warisan negara asalkan ianya adalah selaras dengan Dasar Pelancongan Negara (DPN) 2020–2023, Dasar Kebudayaan Negara (DAKEN) 2021 dan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (NEP) 2.0 yang dikeluarkan oleh Kementerian ini serta Garis Panduan Rancangan Lima Tahun yang dikeluarkan oleh Kementerian Ekonomi.

4. Tourism Malaysia melalui Pejabat Penyeliaan TIC Sabah sentiasa menyokong dan bersedia membantu dalam usaha menaikkan pelancongan di Kota Marudu. Pada 24 September 2024, wakil Pejabat Penyeliaan TIC

NO SOALAN : 11

Sabah telah menghadiri Majlis Pelancaran Buku *Discovering Kota Marudu, A Guide to Geosites and Geotourism for Kinabalu UNESCO GEOPARK* di Sabah International Convention Centre. Buku tersebut diterbitkan oleh Universiti Malaysia Sabah.

5. Badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang ingin membuat aktiviti/acara promosi pelancongan di Kota Marudu disarankan untuk memohon Geran Sokongan Sektor Pelancongan (GSSP).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA
[SUNGAI BESAR]
TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MUSLIMIN BIN YAHAYA [SUNGAI BESAR] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh manakah pengecualian cukai jalan bagi kenderaan elektrik (EV) sehingga 31 Disember 2025 telah dimanfaatkan setakat ini dan bagaimanakah Kerajaan memastikan penggunaan kenderaan EV mampu milik dapat diperluas dan dinikmati terutama bagi golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi menggalakkan penggunaan kenderaan yang dijana elektrik sepenuhnya (seperti *Battery Electric Vehicle* – BEV), Kerajaan telah menawarkan insentif pengecualian sepenuhnya cukai jalan selama empat tahun, iaitu mulai 1 Januari 2022 hingga 31 Disember 2025.

2. Berdasarkan rekod pendaftaran Jabatan Pengangkutan Jalan sehingga 30 September 2024 bagi kenderaan penumpang dan perdagangan, sejumlah kira-kira 32,535 unit kenderaan penumpang dan perdagangan (tidak termasuk bas) jenis BEV telah didaftarkan di Malaysia dan secara umumnya, layak menerima manfaat insentif pengecualian sepenuhnya cukai jalan ini.

3. Dari segi penggunaan kenderaan elektrik oleh kumpulan B40, pemilikan adalah tertumpu kepada penggunaan motosikal elektrik berbanding kereta elektrik, mengambil kira ketiadaan pilihan kereta elektrik buatan tempatan pada harga yang kompetitif di pasaran tempatan. Bagi memenuhi potensi pasaran ini, kedua-dua syarikat pengeluar kereta nasional, Perodua dan Proton, dalam perancangan untuk mengeluarkan kereta elektrik bagi memenuhi permintaan domestik dalam masa terdekat. Selain itu, melalui insentif pengecualian sepenuhnya pelbagai cukai yang lain, sebahagian syarikat-syarikat pengeluar kenderaan jenama lain juga telah memulakan pengeluaran dan jualan kereta elektrik jenama masing-masing, dengan tawaran harga yang kompetitif berbanding kereta menggunakan *internal combustion engine*.

4. Bagi menggalakkan penggunaan motosikal elektrik di Malaysia, MITI melalui agensinya, MARii, telah melaksanakan Skim Galakan Penggunaan Motosikal Elektrik (MARiiCas). Skim ini menawarkan rebat sebanyak RM2,400 bagi tujuan pembelian atau langganan motosikal elektrik khususnya oleh rakyat Malaysia dengan pendapatan tahunan di bawah RM120,000. Skim ini mula dilaksanakan pada tahun 2024 bertujuan menggalakkan rakyat untuk mengambil peluang beralih kepada

NO SOALAN : 12

kenderaan yang dijana elektrik sepenuhnya sebagai mod pengangkutan harian. Di bawah Belanjawan 2025, skim ini telah dilanjutkan setahun lagi sehingga tahun 2025.

5. Kementerian melalui MARii akan sentiasa mempromosi skim ini supaya lebih ramai rakyat Malaysia termasuk Kumpulan B40 dapat mengambil kesempatan ke atas peluang insentif ini untuk memiliki sekurang-kurangnya seunit kenderaan elektrik seperti motosikal elektrik sebagai mod pengangkutan alternatif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [PASIR GUDANG] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia bersetuju menyokong permohonan negara Palestin menjadi anggota pertubuhan BRICS.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Pasir Gudang** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Hanya Negara Anggota BRICS sahaja yang berhak untuk menyokong permohonan mana-mana negara yang ingin menyertai BRICS. Sebagai Negara Rakan BRICS, Malaysia tiada hak untuk memutuskan hal-hal keanggotaan baharu BRICS. Justeru, sokongan terhadap permohonan Palestin bagi menjadi anggota BRICS tidak dapat dizahirkan buat masa ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN
SHAARY
[PENGKALAN CHEPA]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. AHMAD MARZUK BIN SHAARY [PENGKALAN CHEPA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesiapsiagaan NADMA menghadapi fasa peralihan monsun yang berpotensi menyebabkan kejadian bencana alam dan banjir dan sejauh mana Kerajaan melibatkan Khidmat Malaysia, Jabatan Amal Malaysia dan NGO lain sebagai pasukan sokongan untuk membantu pasukan pengurusan NADMA.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

**Kesiapsiagaan NADMA menghadapi fasa peralihan monsun yang
berpotensi menyebabkan kejadian bencana alam dan banjir**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai persediaan menghadapi ketidakpastian keadaan cuaca semasa dan untuk menghadapi musim MTL 2024/2025 serta memastikan semua pihak yang berkaitan berada pada tahap siap siaga yang optimum pada setiap masa, Kerajaan telah mengambil tiga langkah berikut:
 - a) **Pra Bencana**
 - i. Melaksanakan program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara bagi memantapkan persediaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK) dan agensi-agensi tindak balas melalui program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara;
 - ii. Melaksanakan program *Community-Based Disaster Risk Management* (CBDRM) di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap bencana serta peranan mereka sebagai *initial responder* sebagai salah satu langkah pelan tindakan kecemasan bagi memastikan keselamatan mangsa banjir diutamakan dan meminimumkan kehilangan harta benda;
 - iii. Dari aspek pemantauan dan amaran awal, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengemaskini dan mengenalpasti

sebanyak **5,648 lokasi hotspot banjir** di seluruh negara bagi menangani serta mengurangkan risiko banjir yang akan datang dengan pelaksanaan segera:

- a. Kerja-kerja penyelenggaraan sungai, kolam takungan banjir dan infrastruktur di seluruh negara dilaksanakan secara sempurna dan berkala;
- b. Pengaktifan Bilik Kawalan Operasi Pusat Ramalan dan Amaran Banjir (PRABN) untuk beroperasi 24 jam dalam memberi ramalan dan amaran banjir kepada orang awam dan semua pihak berkaitan;
- c. Penempatan **737 pam** bergerak di semua lokasi hotspot banjir seluruh negara; dan
- d. Menaik taraf stesen siren amaran banjir dan stesen kamera web bagi tujuan ramalan dan amaran banjir;

b) Persediaan Tindak Balas Bencana

- i. Jawatankuasa Pengurusan Bencana di setiap Negeri dan Daerah diminta untuk melaksanakan koordinasi persediaan lebih awal (melalui mesyuarat dan sebagainya) meliputi antara lain:
 - a. Mewujudkan pelan pengurusan bencana meliputi tindakan-tindakan yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas berlakunya bencana;
 - b. Mengenal pasti lokaliti hotspot banjir;
 - c. Menyelaras dan melaksanakan kerja-kerja mitigasi seperti penyelenggaraan sistem perparitan, pembaikan, *retrofitting*, dan sebagainya serta sistem amaran awal;

NO SOALAN : 14

- d. Inventori aset dan sumber manusia meliputi agensi kerajaan, majlis daerah dan badan-badan sukarelawan;
 - e. Penyelenggaraan aset;
 - f. Mengadakan simulasi dan latihan amal bersepadu yang turut melibatkan komuniti sebagai initial responder;
 - g. Pembangunan kapasiti pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Komander PKTK yang turut meliputi aspek komunikasi krisis;
 - h. Persediaan Pusat-Pusat Pemindahan Sementara (PPS), depoh, pangkalan hadapan dan bekalan sokongan;
 - i. Penyelarasan bersama NGO tempatan; dan
 - j. Melaksanakan aktiviti *communication, education* dan *public awareness* (CEPA) kepada orang ramai untuk bersama-sama bersedia menghadapi kemungkinan berlakunya banjir dan bersiap siaga untuk bertindak; dan
- ii. Untuk makluman Yang Berhormat, secara keseluruhannya di seluruh negara, seramai **82,794 pegawai dan anggota** pelbagai cabang agensi Kerajaan di semua peringkat berada dalam keadaan bersiap siaga sepenuhnya dengan sokongan **37,127 unit pelbagai aset** melibatkan:
- a. 2,031 unit bot penyelamat;
 - b. 1,399 unit jentera kenderaan 4x4;
 - c. 1,646 unit jentera kenderaan berat;
 - d. 31 unit helikopter;
 - e. 30,260 unit jaket keselamatan pelbagai saiz untuk kegunaan mangsa; dan
1,760 unit jambatan panel keluli bermodular.

- iii. Selain itu, bagi memastikan keselesaan dan kebajikan mangsa banjir, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah bersedia untuk mengaktifkan **8,481 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di seluruh negara** yang mempunyai kapasiti untuk **menempatkan 2,158,743 mangsa di seluruh negara**;

c) Penyelarasan Pasca Bencana

- i. Penambahbaikan mekanisme penyelarasan pasca bencana meliputi bantuan awal, pembersihan, dan bantuan-bantuan pasca bencana kepada mangsa (termasuk bantuan kewangan dan pembaikan segera kerosakan infrastruktur). Ini termasuk meningkatkan kerjasama antara JPBN dan JPBD bersama NGO dan Sukarelawan berkaitan penyelarasan bantuan;
2. Selain itu, sebagai persiapan menghadapi bencana di seluruh negara, NADMA telah menyalurkan peruntukan bantuan bencana berjumlah **RM232 juta** kepada semua negeri bagi tujuan diagihkan kepada Ketua Isi Rumah mangsa bencana yang terjejas dan memenuhi syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan.
 3. Bagi memastikan tindakan seberapa segera diambil apabila berlakunya sebarang kejadian bencana termasuk banjir besar, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) pada 3 Oktober 2024 telah mengarahkan supaya JPBD diaktifkan dan peranannya di semua lokasi bencana diperkasakan. Di samping itu, semua JPBN dan JPBD juga diarahkan bersedia lebih awal untuk memastikan bantuan bekalan sampai ke lokasi yang terlibat bagi mengelakkan keadaan lebih sukar sekiranya jalan terputus dan sebagainya.
 4. Bagi memastikan pengarahannya turun dengan lebih cepat ke lapangan, satu *High Level Committee* (HLC) telah dibentuk semenjak MTL 2023/2024 bagi memperincikan gerak kerja tindak balas bencana yang lebih terselaraskan.

5. NADMA bersedia untuk menyalurkan peruntukan tambahan sekiranya diperlukan mengikut permohonan oleh negeri berdasarkan jumlah sebenar Ketua Isi Rumah yang terjejas akibat bencana.

Penglibatan Khidmat Malaysia, Jabatan Amal Malaysia dan NGO lain sebagai pasukan sokongan

Tuan Yang di-Pertua,

6. Kerajaan sentiasa mengalu-alukan penglibatan, bantuan dan sumbangan semua pihak termasuk Badan Bukan Kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi, badan korporat dan sukarelawan persendirian dalam aktiviti pengurusan bencana sama ada sebelum, semasa atau pasca bencana.
7. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) dan Negeri (JPBN) telah disarankan agar sentiasa mengadakan libat urus dengan NGO, badan korporat dan sukarelawan bagi memudahkan penyelarasan bantuan sewaktu kejadian bencana.
8. Di peringkat operasi, Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di setiap peringkat khususnya Daerah dan Negeri bertanggungjawab mengurus dan menyelaraskan semua aspek pengurusan dan bantuan bencana termasuk sumbangan daripada NGO dan sukarelawan.
9. Sehubungan itu, mana-mana NGO dan sukarelawan yang ingin membantu mangsa bencana perlulah menghubungi PKOB di kawasan-kawasan yang terjejas bagi memastikan pemberian bantuan kepada mangsa-mangsa yang terkesan bencana adalah terselaraskan, bersasar dan mengikut keperluan sebenar.
10. Di peringkat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), NADMA sentiasa mengadakan hubungan dan kerjasama baik dengan NGO, institusi pengajian tinggi, badan korporat dan sukarelawan yang terlibat dalam bantuan bencana dengan menyampaikan maklumat status terkini bencana melalui platform Rakan NADMA.

NO SOALAN : 14

11. Rakan NADMA merupakan satu platform yang telah ditubuhkan semenjak tahun 2016 bagi mewakili suara 176 buah NGO dengan kekuatan lebih daripada 27,000 orang sukarelawan yang bergiat aktif dalam misi bantuan kemanusiaan. Platform ini adalah manifestasi Kerajaan akan keperluan dan kepentingan penglibatan NGO dalam pengurusan bencana secara menyeluruh atau dengan izin "*whole of society approach*".
12. Rakan NADMA telah menjadi wadah bagi pemain-pemain sektor kemanusiaan dan sukarelawan untuk bekerjasama dan menyokong usaha Kerajaan dalam meningkatkan keberkesanan sistem sokongan bantuan bencana terutama yang melibatkan penyaluran bantuan bencana segera di Malaysia dan luar negara.
13. Antara objektif pewujudan platform Rakan NADMA adalah untuk membina hubungan strategik di antara NADMA dan NGO sebagai cara menyebarkan kepentingan kerjasama dalam kitaran pengurusan bencana. NADMA dan NGO saling bertukar maklumat semasa bencana untuk memastikan tindakan dan pergerakan setiap NGO yang terlibat dalam pengurusan bencana lebih terselaraskan khususnya melalui pelaporan situasi bencana menggunakan dengan izin Sistem *Disaster Geospatial Information System* (DGIM).
14. Kemuncak kepada inisiatif Rakan NADMA adalah penganjuran Konvensyen Rakan NADMA pada 8 Oktober 2024 yang dirasmikan oleh YAB Dato' Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat. Semasa Konvensyen tersebut YAB Dato' Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi turut melancarkan Pelan Rejuvenasi Rakan NADMA 2030 yang merupakan aspirasi Kerajaan dalam memperkasakan NGO, institusi pengajian tinggi, badan korporat dan sukarelawan terhadap pengukuhan aktiviti pengurusan bencana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN
[JULAU]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan adakah Kementerian akan membenarkan pemprosesan nadir bumi Malaysia (Malaysia REE) dilakukan di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dasar semasa Kerajaan telah menetapkan pelaksanaan moratorium pengeksporan mentah unsur nadir bumi (REE) bermula 1 Januari 2024. Dasar ini bertujuan membangunkan industri REE tempatan khususnya di peringkat pertengahan dan hiliran. Dalam hal ini, Kerajaan tidak lagi membenarkan sumber REE dieksport secara mentah dan diproses di luar negara.

2. Pada masa yang sama, Kerajaan sedang berusaha untuk menarik minat pelabur di dalam dan luar negara untuk melabur dalam pembangunan industri di peringkat pertengahan dan hiliran. Kerajaan Negeri juga digalakkan untuk menarik pihak pelabur yang berpotensi untuk membangunkan industri REE di negeri masing-masing khususnya di peringkat pertengahan dan hiliran.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN
MOKHTAR [KEMAMAN]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI IR. DR. AHMAD SAMSURI BIN MOKHTAR [KEMAMAN] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kerajaan untuk memperkasa peranan negeri dalam perkara-perkara yang termaktub dalam Senarai Bersama terutamanya dalam hal-hal yang berkait dengan kebajikan dan pembangunan sosial.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan kumpulan sasaran dengan penyampaian perkhidmatan merentasi Kerajaan Persekutuan dan Negeri .
2. KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan dan sokongan kewangan kepada golongan berkeperluan ke arah pencegahan, pemulihan, perlindungan, pembangunan dan pengintegrasian yang dilaksanakan selaras dengan Teras Perkhidmatan JKM.
3. Pelaksanaan perkhidmatan kebajikan terkandung dalam Senarai Bersama (***Concurrent List***) antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri, yang termaktub di bawah peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Senarai 3 – Jadual Kesembilan Senarai Perundangan.
4. Kerajaan Pusat melalui agensi atau jabatan di setiap negeri sentiasa bekerjasama rapat dalam usaha kesejahteraan masyarakat di seluruh negara. Dalam konteks perkhidmatan kebajikan, KPWKM sentiasa menghargai peranan yang dimainkan oleh pihak Kerajaan Negeri yang saling melengkapi dengan usaha yang dilaksanakan oleh KPWKM. Namun, tidak dapat dinafikan cabaran dihadapi dari semasa ke semasa dan diakui sebarang penambahbaikan boleh melonjakkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kebajikan.
5. Dalam hal ini, antara penambahbaikan bersama yang disyorkan untuk dilaksanakan pihak Kerajaan Negeri adalah agar kadar bantuan negeri disetarakan atau dinaikkan ke satu ambang yang tidak jauh bezanya berbanding kadar bantuan Persekutuan atau kadar di negeri-negeri lain yang lebih tinggi. Sebagai contoh, Kadar Bantuan Am

Persekutuan pada masa ini adalah minimum RM100 sebulan dan maksimum RM350 sekeluarga.

6. Selain itu, antara syor lain yang boleh dipertimbangkan adalah untuk mengelakkan kedua-dua pihak daripada menyalurkan bantuan yang sama. Sebagai contoh, bagi bantuan berkaitan bencana, kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan bantuan pemulihan kepada mangsa bencana untuk pembelian barang keperluan asas seperti makanan, selimut, tilam, dan sebagainya. Oleh yang demikian, adalah amat membantu sekiranya peruntukan bantuan kebajikan oleh pihak Kerajaan Negeri boleh disalurkan kepada bantuan yang lain seperti seperti membaiki dan membina semula rumah kerana kerosakan disebabkan bencana seperti kebakaran, banjir dan sebagainya.

7. Atas semangat “Kebajikan Tanggungjawab Bersama”, KPWKM dan agensi-agensinya akan meneruskan usaha dan kerjasama jitu dengan semua Kerajaan Negeri demi manfaat rakyat terutamanya kumpulan sasar Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG
[BAGAN]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah hasil ekonomi ekoran lawatan ke negara China oleh pemimpin negara khususnya tambahan manfaat ekonomi yang diberikan negara China semasa meraikan tahun 2024 sebagai ulang tahun ke 50 hubungan diplomatik Malaysia dan negara China.

JAWAPAN

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Bagan** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Tahun ini merupakan tahun yang bersejarah untuk Malaysia dan China selepas Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak bin Hussein menjadi pemimpin ASEAN yang pertama menjalinkan hubungan diplomatik dengan China pada tanggal 31 Mei 1974. Hubungan dua hala kemudiannya dinaiktaraf ke peringkat Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) pada tahun 2013.

3. Lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda (KDYMM SPB) Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim ke China dari 19 hingga 22 September 2024 memberi makna yang amat besar buat kedua-dua negara, kerana tahun ini merupakan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik antara Malaysia dan China. Lawatan Negara ini juga merupakan lawatan pertama Seri Paduka Baginda ke China sejak menaiki takhta pada 31 Januari 2024 dan lawatan pertama ke China sejak Lawatan Negara pada 2014 oleh KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong ke-14.

4. Sempena ulang tahun ke-50 ini, kedua-dua negara telah mengatitkan dan menjayakan pelbagai program dan aktiviti termasuk pertukaran lawatan peringkat tinggi. Setakat bulan Disember 2024, sebanyak 32 lawatan peringkat tinggi telah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, China merupakan rakan dagang terbesar bagi Malaysia selama lima belas tahun berturut-turut sejak tahun 2009. Pada tahun 2023, China kekal sebagai rakan perdagangan Malaysia terbesar dengan jumlah perdagangan sebanyak RM450.84 bilion. China juga merupakan salah satu pelabur yang terbesar bagi Malaysia, di mana jumlah pelaburan China di Malaysia sejak 1980 hingga 2023 adalah berjumlah RM74.2 bilion.

6. Perdagangan terus meningkat pada tahun ini dengan jumlah perdagangan dari Januari hingga September 2024 yang direkodkan sebanyak RM355.16 bilion berbanding dengan RM325.83 bilion dalam tempoh yang sama pada 2023. Pada separuh tahun pertama 2024, sejumlah 46 projek telah diluluskan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM5.9 bilion yang dijangka mewujudkan sebanyak 5,038 pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Semasa lawatan-lawatan tersebut, pelbagai peluang kerjasama di antara Malaysia dan China telah dibincangkan dan banyak persetujuan yang telah dicapai oleh kedua-dua negara. Ini merangkumi bidang perdagangan, pelaburan, pendidikan, pertanian, agri komoditi, pelancongan, kesalinghubungan, atau dengan izin, *connectivity*, hubungan antara rakyat dan sebagainya.

8. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak China bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama sedia ada di samping meneroka peluang kerjasama baharu di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan (BRI). Kerjasama lain merangkumi perkongsian pakar dan teknologi dalam bidang pertanian, pembasmian kemiskinan tegar, tenaga boleh baharu, semikonduktor, kecerdasan buatan dan ekonomi digital.

9. China juga bersetuju menawarkan 5,125 kuota kepada pelajar Malaysia untuk menjalani latihan berkaitan TVET. China merupakan sebuah negara yang amat maju dalam TVET terutamanya pendidikan berkaitan automotif.

10. Hasil lain yang turut dicapai melalui lawatan-lawatan ini adalah termasuk, pengeksportan durian segar Malaysia ke China bermula 24 Ogos 2024 dan peningkatan penerbangan terus antara kedua-dua negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN
[MERBOK]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MOHD NAZRI BIN ABU HASSAN [MERBOK] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan keluasan kawasan yang diwartakan menjadi kawasan penanaman pokok bakau di pesisir pantai dan sungai di Parlimen Merbok sebagai meningkatkan benteng hakisan selain meningkatkan kualiti alam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tragedi tsunami yang melanda pantai barat laut Semenanjung Malaysia pada 26 Disember 2004 telah membuktikan peranan hutan paya laut sebagai pemecah ombak dan penstabil bagi kawasan persisiran pantai. Kawasan yang mempunyai hutan paya laut yang luas dan padat didapati mengalami kemusnahan dan kerosakan yang minimum.
2. Menyedari kepentingan hutan paya laut kepada kestabilan ekosistem kawasan pesisiran pantai, Kerajaan Persekutuan telah melancarkan Program Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara pada 7 Februari 2005. Program nasional jangka panjang ini bertujuan memelihara dan memulihara ekosistem hutan paya laut yang penting untuk menjamin kestabilan kawasan pesisiran pantai, termasuk berfungsi sebagai benteng untuk memecah, menahan dan mengurangkan daya kekuatan pukulan ombak.
3. Sehingga 31 Disember 2023, seluas 176.80 hektar kawasan Hutan Simpan Merbok yang terletak dalam Parlimen Merbok telah ditanam dengan 1,003,268 pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan yang baharu dalam pengembalian hak Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) kepada Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

**YAB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN
MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Perpaduan pada hari ni amat komited dalam meneruskan perundingan mengenai isu-isu di bawah Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dikemukakan oleh Kerajaan Sabah Dan Kerajaan Sarawak supaya dapat diselesaikan mengikut Perlembagaan Persekutuan dan kerangka perundangan sedia ada.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbincangan mengenai isu-isu di bawah MA63 masih diteruskan. Terdapat 29 tuntutan yang dibincangkan di bawah platform perundingan Majlis Tindakan Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63). Sehingga kini, status kemajuan bagi 29 tuntutan tersebut adalah seperti berikut:

a. Selesai Sepenuhnya (11 Tuntutan)

- i. Penyerahan Kuasa Kawal Selia *Liquified Petroleum Gas* (LPG) kepada Kerajaan Negeri Sarawak;
- ii. Penyerahan semula kuasa pentadbiran ke atas Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan kepada Kerajaan Negeri Sabah;
- iii. Pindaan Perlembagaan Persekutuan Perkara 1(2) dan Perkara 160(2) Perlembagaan Persekutuan;
- iv. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai pelesenan dan penangkapan ikan laut dalam kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak;
- v. Pengiktirafan Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak sebagai Jabatan Teknik di bawah Arahan Perbendaharaan 182 (AP182);

- vi. Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) 1995 bagi melantik Wakil Kerajaan Negeri Sabah Dan Sarawak Sebagai Anggota Tetap LHDN;
- vii. Penyerahan kuasa kawal selia bekalan gas di Negeri Sabah;
- viii. Pentadbiran badan kehakiman di Sabah dan Sarawak;
- ix. Penyediaan Garis Panduan Penyerahan Semula Tanah Direzabkan bagi maksud Persekutuan di Negeri Sabah dan Negeri Sarawak;
- x. Penyerahan Kuasa Kawal Selia Elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah; dan
- xi. Cadangan Pindaan Perkara 95B Perlembagaan Persekutuan mengenai ubah suaian bagi Negeri Sabah dan Sarawak mengenai pembahagian kuasa perundangan.

b. Selesai Sebahagian/Interim (2 Tuntutan)

- i. Kajian Semula Pemberian Khas bagi Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112D; dan
- ii. Penukaran Status Pelabuhan Bintulu dari Pelabuhan Persekutuan ke Pelabuhan Negeri.

c. Telah Mempunyai Keputusan Dasar (3 Tuntutan)

- i. Pemberian kuasa (*empowerment*) mengenai alam sekitar;
- ii. Tenaga buruh di Negeri Sabah dan Sarawak; dan
- iii. Kuasa Mengenai Pelantikan Pesuruhjaya Kehakiman (Pindaan Perlembagaan Persekutuan).

d. Dalam Perbincangan (8 Tuntutan)

- i. Obligasi kewangan Persekutuan di bawah Senarai III, Senarai Bersama, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;

- ii. Pertambahan perjawatan perkhidmatan awam Negeri Sabah dan Sarawak di bawah Perkara 112 Perlembagaan Persekutuan;
- iii. Borneonisasi perkhidmatan awam Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak;
- iv. Pembangunan Sempadan Sabah-Sarawak-Kalimantan;
- v. Pertambahan bilangan Ahli Dewan Rakyat dari Negeri Sabah dan Sarawak di Dewan Rakyat;
- vi. Cadangan pindaan item 25A (Pelancongan) dalam Senarai I (Persekutuan), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan kepada Senarai III (Bersama), Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan;
- vii. Isu kesihatan; dan
- viii. Isu pendidikan.

e. Tuntutan Yang Dirujuk Untuk Perbincangan Atau Keputusan Peringkat Tertinggi (5 Tuntutan)

- i. Royalti minyak dan pembayaran tunai petroleum;
- ii. Mineral minyak dan medan minyak;
- iii. Akta Laut Wilayah 2012 [Akta 750];
- iv. Hak negeri ke atas pelantar benua; dan
- v. Duti setem dikenakan ke atas instrumen pemindahan, caj, menyewakan tanah di bawah Ordinan Tanah Sabah (Bab 68) dan Kanun Tanah Sarawak (Bab 81).

3. Mesyuarat MTPMA63 Bilangan 1 Tahun 2024 yang diadakan pada 12 September 2024 telah memutuskan beberapa perkara, antaranya ialah seperti berikut:

- a. Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk meningkatkan kadar Pemberian Khas di bawah Perkara 112D Perlembagaan Persekutuan kepada RM600 juta mulai tahun 2025 kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak;
- b. Mesyuarat telah bersetuju supaya tuntutan melibatkan Mineral Minyak dan Medan Minyak, Akta Laut Wilayah

2012 (Akta 750), Hak Negeri Ke Atas Pelantar Benua dan Royalti Minyak dan Pembayaran Tunai Petroleum dibincangkan oleh pimpinan peringkat tertinggi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak;

- c. Mesyuarat juga bersetuju supaya Jabatan Peguam Negara mengadakan perbincangan bersama Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah dan Jabatan Peguam Besar Negeri Sarawak bagi meneliti semula tuntutan berhubung pertambahan Ahli Dewan Rakyat dari negeri Sabah dan Sarawak dari sudut perundangan; dan
- d. Mesyuarat turut bersetuju supaya tuntutan mengenai duti setem harus dibincangkan dalam forum yang berasingan memandangkan ia melibatkan tafsiran undang-undang ini memerlukan penelitian semula oleh pihak-pihak yang berkenaan.

4. Semua isu-isu di bawah MA63 yang belum diselesaikan akan terus dipantau oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHESS, JPM) selaku Sekretariat kepada Majlis Tindakan Perjanjian Malaysia 1963 (MTPMA63) dan Jawatankuasa Teknikal di bawah MTPMA63 bersama dengan semua pemegang taruh (*stakeholders*) di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AZMAN BIN NASRUDIN
[PADANG SERAI]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' AZMAN BIN NASRUDIN [PADANG SERAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan keberkesanan langkah-langkah sedia ada dalam menangani kos sara hidup yang semakin meningkat terutamanya di kawasan bandar dan rancangan baharu yang akan dilaksanakan untuk meringankan beban rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan yang diajukan oleh Yang Berhormat Selangau, Yang Berhormat Padang Rengas dan Yang Berhormat Parit Buntar bertarikh 14 Oktober 2024, 18 November 2024 dan 27 November 2024 memandangkan pertanyaan dan isu yang dibangkitkan adalah berkaitan latar perkara yang sama.

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat cakna dengan isu kos sara hidup yang dihadapi rakyat. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan **sistem pasaran bebas**, harga barangan dan perkhidmatan adalah dipengaruhi oleh faktor penawaran dan permintaan. Namun begitu, Kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan kuasa beli rakyat dapat ditingkatkan dengan sentiasa memastikan bekalan dan harga keperluan asas stabil di paras yang selesa melalui kawalan harga sama ada bersubsidi mahupun bukan bersubsidi.

Menyedari bahawa isu kos sara hidup ini merentasi bidang tugas pelbagai Kementerian dan agensi, lalu KPDN diberikan mandat untuk menyelaras perkara-perkara yang berkaitan dengan kos sara hidup melalui **Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL)** yang merupakan platform utama Kerajaan dalam merangka dasar, hala tuju dan strategi yang memerlukan pendekatan *whole of nation* approach bersama Kementerian dan Agensi-agensi lain yang mempunyai tanggungjawab yang sama dalam menstabil serta meringankan beban kos sara hidup rakyat.

Sehubungan itu, Kerajaan komited serta bersungguh-sungguh untuk meningkatkan kuasa beli rakyat yang menjadi perkara pokok dalam isu kos sara hidup terutama kepada golongan M40 dan B40. Kerajaan sentiasa memberikan fokus dan perhatian penuh dalam usaha menaikkan lantai ataupun meningkatkan pendapatan individu dan isi rumah melalui penetapan dan pelaksanaan dasar yang menyeluruh.

Terdapat beberapa strategi jangka panjang yang dilaksanakan Kerajaan adalah seperti berikut:

1. memperkenalkan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA);
2. Dasar Gaji Progresif bagi pemberian upah dan gaji yang adil;
3. melaksanakan Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR);
4. semakan Perintah Gaji Minimum dari semasa ke semasa;
5. penetapan gaji premium bagi lepasan pengajian TVET melalui Dasar TVET Negara; dan
6. pelbagai dasar lain yang memupuk kepada peningkatan pendapatan selaras dengan peningkatan produktiviti individu dan isi rumah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan juga telah mengambil beberapa pendekatan jangka pendek dalam usaha untuk menstabilkan kos sara hidup rakyat antaranya melalui pemberian subsidi pukal, subsidi bersasar dan sumbangan tunai kepada rakyat terbanyak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara inisiatif utama Kerajaan adalah seperti berikut:

1. memperluaskan Program Jualan RAHMAH MADANI (PJRM);
2. memperluaskan Program Jualan Agro Madani;
3. Sumbangan Tunai Rahmah (STR) maksimum RM2,500;
4. Sumbangan Asas Rahmah (SARA) maksimum RM1,200;
5. Bantuan Awal Persekolahan (BAP) RM150 kepada setiap murid;
6. memperkenalkan BUDI Individu RM200 sebulan secara tunai;
7. memperkenalkan BUDI MySubsidi Diesel; dan banyak lagi.

Kerajaan melalui KPND juga telah mengambil inisiatif yang proaktif dengan memperhebatkan lagi aktiviti penguatkuasaan dalam

membendung peniaga yang tidak bertanggungjawab termasuk usaha-usaha untuk melindungi pengguna. Untuk tujuan tersebut, KPDN mempunyai beberapa kuasa perundangan yang boleh digunakan untuk menguatkuasakan kawalan ke atas harga barangan, mengekang gejala anti persaingan dalam pasaran, membanteras aktiviti kartel termasuk perlindungan kepada pengguna seperti berikut:

1. Akta Kawalan Bekalan 1961 [Akta 122];
2. Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 [Akta 723];
3. Akta Persaingan 2010 [Akta 712];
4. Akta Pelindungan Pengguna 1999 [Akta 599]; dan
5. pelbagai OPS yang telah dan sedang dilaksanakan.

KPDN juga terus komited dalam melaksanakan pemantauan harga barang di seluruh negara melibatkan hampir 1,600 premis termasuk Pasar Basah, Hypermarket dan Supermarket, Pasar Mini dan Kedai Runcit yang merangkumi enam (6) kategori barangan iaitu barangan basah, barangan kering, barangan berbungkus, makanan dan barangan bayi, barangan kebersihan serta minuman. Sekiranya terdapat kenaikan harga yang mendadak dan tidak munasabah, perkara tersebut akan disiasat di bawah Akta 723.

Tuan Yang di-Pertua,

Susulan semua usaha-usaha yang dilaksanakan Kerajaan Madani, prestasi inflasi telah mencatatkan mata peratusan yang semakin baik. Pada September 2024, inflasi semakin mereda pada kadar 1.8% lebih rendah ketimbang 1.9% pada Ogos dan 2.0% pada Julai 2024. Ini adalah bukti usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan berkesan dalam mengawal kenaikan harga yang mendadak. Sehubungan itu, Kerajaan melalui KPDN terus komited memastikan seluruh rakyat dilindungi dan tidak terbeban dengan peningkatan kos sara hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN WONG CHEN [SUBANG] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan status terkini mengenai kod etika dan garis panduan yang diketuai oleh Jawatankuasa Kecerdasan Buatan dan Rantaian Blok Kebangsaan (*National Blockchain and Artificial Intelligence Committee-NBAIC*) dan cara ia digunakan dalam Pelan Hala Tuju Kepintaran Buatan Kebangsaan 2021-2025.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Garis panduan etika dan tadbir urus kecerdasan buatan (*AI Governance and Ethics (AIGE) Guidelines*) telah siap dihasilkan pada suku pertama 2024. Garis panduan AIGE ini dibangunkan berasaskan tujuh prinsip AI bertanggungjawab seperti yang terkandung di dalam dokumen Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Negara 2021-2025 dan ia menyokong pelaksanaan pelan hala tuju tersebut.
2. Ia mengaplikasikan ketujuh-tujuh prinsip AI yang bertanggungjawab dan memfokuskan kepada membina kepercayaan terhadap AI, mengurus risiko dan memaksimumkan faedah AI untuk produktiviti dan daya saing negara.
3. Berikut ialah pertimbangan-pertimbangan utama dalam penghasilan garis panduan AIGE ini.
 - i. Menggunakan konsep AI untuk semua
 - ii. Membina kepercayaan di antara Kerajaan dan rakyat
 - iii. Kandungan yang mudah difahami
 - iv. Sejajar dengan amalan terbaik AI serantau dan global
 - v. Sinergi di antara agensi Kerajaan dan pihak berkepentingan untuk menginstitusikan AI dalam melaksanakan dasar dan pelan tindakan negara.
 - vi. Seruan untuk bertindak kepada agensi / organisasi untuk membangunkan garis panduan AIGE yang khusus.
 - vii. Dokumen hidup yang sentiasa dikemaskini berdasarkan perkembangan teknologi AI.
4. Berdasarkan pertimbangan-pertimbangan di atas, MOSTI sentiasa bersedia untuk mengadakan sesi libat urus bersama wakil-wakil

quadruple helix dalam mengaplikasikan garis panduan ini untuk kegunaan di peringkat sektoral dan vertikal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI
HAJI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI BINTI HAJI SAMSUDIN
[MASJID TANAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana keberkesanan program SejaTi MADANI untuk komuniti dan berapa jumlah yang telah diuruskan setakat Oktober 2024 dari jumlah RM1 bilion keseluruhan kos.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Program SejaTi MADANI memfokuskan kepada pemerkasaan ekonomi rakyat yang bertujuan untuk membangunkan potensi dan kebolehan komuniti yang melibatkan lima (5) sektor tumpuan iaitu pertanian dan makanan, jahitan dan kraftangan, herba dan kesihatan, pelancongan dan hospitaliti serta aktiviti hijau dan kitar semula.
2. Program ini dilihat dapat meningkatkan pendapatan keluarga, meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam bidang berkaitan dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup komuniti. Pelaksanaan program ini juga telah membantu masyarakat mempelbagaikan sumber pendapatan dan menyediakan sumber makanan dan pertanian untuk keperluan komuniti.
3. **Sehingga 5 Disember 2024, sebanyak 16,782 permohonan telah diterima. Jawatankuasa Pemilihan dan Kelulusan (JPK) di peringkat negeri yang dianggotai oleh rakan strategik Kementerian/ Agensi telah meneliti dan mempertimbangkan sebanyak 8,890 permohonan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 6,548 permohonan telah diluluskan melibatkan peruntukan berjumlah RM589,997,340.00.**
4. Permohonan paling tinggi diluluskan adalah daripada Sektor Pertanian dan Makanan (57.0%) diikuti dengan Sektor Pelancongan dan Hospitaliti (34.5%), Aktiviti Hijau dan Kitar Semula (3.8%), Jahitan dan Kraf Tangan (3.6%) serta Herba dan Kesihatan (1.1%).

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **DR. KELVIN YII LEE WUEN**
[BANDAR KUCHING]

TARIKH : **9 DISEMBER 2024 (ISNIN)**

SOALAN

DR. KELVIN YII LEE WUEN [BANDAR KUCHING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan tindakan dan garis masa SPR untuk :

- (a) mengkaji semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya di Sarawak yang baru sedangkan tempoh lapan tahunnya telah tamat pada 19 Ogos 2023; dan
- (b) bagaimana persempadanan boleh mematuhi kehendak Perlembagaan agar jumlah pengundi setiap kawasan lebih kurang sama banyak dan mematuhi prinsip one man one vote.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menjalankan urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan negeri berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta menurut bidang kuasa SPR yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.
2. Urusan kajian semula persempadanan terhadap bahagian-bahagian pilihan raya sedia ada, hanya boleh dilaksanakan selepas tamat lat tempoh 8 tahun atau terdapat pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri.
3. Bagi maksud tersebut, lat tempoh 8 tahun bagi Negeri Sarawak telah pun berakhir pada tahun 2023 dan SPR sedang menimbang dan meneliti kesesuaian untuk melaksanakan urusan tersebut.
4. Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan yang dipegang oleh SPR adalah seperti berikut:
 - i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih keluar mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
 - ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihanraya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;

NO SOALAN : 23

- iii. Jumlah pemilih yang lebih kurang sama banyak bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesebuah Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan

- iv. Mengekalkan hubungan masyarakat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN
JUSOH [BESUT]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [BESUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan terhadap Manifesto Pakatan Harapan PRU-15 berkenaan peruntukan sama rata kepada semua wakil rakyat Parlimen tanpa mengira parti oleh kerana mereka mewakili kepentingan rakyat di kawasan tersebut.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.

YAB Perdana Menteri telah menegaskan bahawa peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang akan diputuskan selepas selesai proses perundingan di antara Ketua WHIP Pembangkang dan Ketua WHIP Kerajaan. YAB Perdana Menteri juga pada 9 Julai yang lalu turut menyatakan isu agihan peruntukan kepada Ahli Parlimen pembangkang tidak patut menjadi isu rumit untuk diselesaikan kerana membabitkan syarat asas dan proses biasa dalam mana-mana rundingan serta amalan demokrasi.

2. Kerajaan Persekutuan komited untuk merundingkan Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri kepada Ahli / Kawasan Parlimen Pembangkang menerusi deraf Memorandum Persefahaman (MoU) kepada Ketua WHIP Pembangkang. Ahli Parlimen Pembangkang juga boleh berunding secara individu dengan Ketua WHIP Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN
[BANGI]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN SYAHREDZAN BIN JOHAN [BANGI] minta MENTERI
PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA menyatakan :-**

- (a) langkah-langkah Kementerian untuk mempromosikan Bandar Kajang sebagai destinasi pelancongan warisan dan budaya; dan
- (b) sama ada terdapat perancangan untuk mengiktiraf bangunan dan tapak bersejarah di Bandar Kajang sebagai warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a)

1. Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya Tourism Malaysia sentiasa memberi penekanan dan komited di dalam mempromosikan produk pelancongan yang berpotensi dan memberi fokus kepada warisan dan budaya.
2. Bandar Kajang mempunyai potensi besar untuk diangkat sebagai destinasi pelancongan warisan dan budaya, memandangkan kekayaan sejarah serta keunikan gastronomi yang terdapat di kawasan ini. Salah satu langkah penting yang akan diambil dengan kerjasama **Tourism Selangor** adalah menghidupkan semula program **Kajang Heritage Walk**, inisiatif yang memperkenalkan pelancong kepada sejarah dan tapak-tapak bersejarah di bandar ini. Sebanyak 6 lokasi bangunan warisan yang terdapat di Bandar Kajang antaranya Tokong Shen Sze She Yar, Pusat Warisan Kajang, Kedai Biskut, Pejabat Pos, Sate Putra dan Lorong Pejalan Kaki Jalan Sulaiman.
3. Selain itu juga, Projek Lorong Kajang Dulu-Dulu merupakan produk pelancongan baharu di Bandar Kajang. Lorong ini merupakan lorong belakang di Jalan Sulaiman yang telah dinaiktaraf dan menjadi lokasi aktiviti kebudayaan dan kesenian melalui beberapa program yang telah dijalankan. Lorong Kajang Dulu-Dulu juga memaparkan Sejarah Kajang melalui lukisan mural yang menarik.
4. Kajang juga dikenali sebagai syurga gastronomi, terutamanya melalui makanan warisannya yang paling ikonik, iaitu **Sate Kajang**. Sate Kajang Haji Samuri, jenama paling tersohor, telah menjadi tarikan utama sejak sekian lama. Di samping itu, terdapat lebih 10 buah kedai sate lain seperti Sate Willy dan Sate Rono, yang menjadikan bandar ini destinasi pilihan pencinta makanan. Keunikan hidangan ini menjadi satu elemen penting dalam memperkasakan identiti pelancongan Kajang sebagai pusat gastronomi warisan. Pada 2025 akan dianjurkan Karnival 1001 Rasa Sate Kajang dalam

NO SOALAN : 25

usaha mempromosi Bandar Kajang sebagai Bandar Sate Terunggul dan juga Bandar Warisan. Pewartaan Sate Kajang sebagai makanan warisan Negeri Selangor turut akan dilaksanakan semasa karnival ini berlangsung.

5. Sempena **Tahun Melawat Selangor 2025**, usaha promosi produk pelancongan di Kajang akan diperhebatkan. Kempen pemasaran yang lebih agresif dan bersepadu akan dilancarkan melalui media sosial dan kolaborasi dengan pihak media serta pengengaruh digital. Selain itu, acara seperti Festival Sate Kajang dan pameran budaya akan dianjurkan bagi menarik lebih ramai pelancong ke kawasan ini.

(b)

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) sentiasa berusaha dan memberi perhatian terhadap khazanah warisan di negeri Selangor termasuklah daerah Kajang melalui pewartaan dan pengiktirafan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Pewartaan akan memberi nilai tambah kepada tarikan sektor pelancongan, selain untuk memulihara, memelihara dan melindungi khazanah warisan tersebut.

2. Mengenai warisan di Bandar Kajang, sebagai makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat enam (6) tapak warisan berpotensi di daerah Kajang yang telah disenaraikan ke dalam Senarai Inventori JWN bagi tujuan penyelidikan dan kajian lanjut sebelum ia dipertimbangkan untuk pewartaan di bawah Akta 645 antaranya ialah :

- i. Hospital Kajang, Jalan Semenyih
- ii. Sekolah Kebangsaan Leftenan Adnan, Sungai Ramal Luar
- iii. Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Kajang, Jalan Semenyih
- iv. Sekolah Kebangsaan Bangi, Bangi
- v. Bangunan Stesen Keretapi Kajang
- vi. Kuil Sri Subramaniam

3. Sekiranya tapak-tapak warisan ini memenuhi salah satu daripada 9 kriteria yang dinyatakan pada seksyen 67 (2), Akta 645 serta mengekalkan

NO SOALAN : 25

integriti dan keasliannya, ianya boleh dicadang untuk diangkat statusnya menjadi Warisan atau Warisan Kebangsaan.

4. Pihak JWN juga mengalu-alukan cadangan daripada Ahli Yang Berhormat untuk mencalonkan mana-mana tapak yang berpotensi warisan di kawasan Yang Berhormat ke jabatan ini untuk dipertimbangkan pewartaan di bawah Akta 645. Cadangan pewartaan boleh disyorkan menerusi permohonan kepada Pesuruhjaya Warisan menerusi borang pencalonan dari laman web JWN iaitu <https://www.heritage.gov.my/>.

5. Pihak kementerian ini melalui JWN sentiasa bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak, sama ada pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan mahupun individu untuk mewartakan tapak yang berpotensi warisan di bawah Akta 645. Bagi tujuan itu, pihak kementerian melalui JWN bersedia memberikan taklimat dan perbincangan sebelum tindakan lanjut diambil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN
HASSAN [KOTA BHARU]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kriteria utama dan asas perundangan yang digunakan oleh Peguam Negara terhadap sesuatu representasi kes-kes jenayah yang dikemukakan oleh seseorang tertuduh yang sedang menghadapi kes di mahkamah.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam mempertimbangkan apa-apa representasi yang dikemukakan oleh tertuduh yang sedang menghadapi kes di mahkamah, Pendakwa Raya akan meneliti semula fakta yang ada, khususnya bukti dan keterangan yang terkandung dalam kertas siasatan, pernyataan saksi serta semua dokumen yang relevan dalam membuktikan elemen kesalahan di bawah undang-undang dan apa-apa perkembangan terbaharu yang dikemukakan dalam representasi berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci statistik terkini pensijilan halal yang telah dikeluarkan oleh pihak JAKIM untuk premis kedai makan milik bukan Islam berbanding premis kedai makan yang beroperasi tanpa pensijilan halal di seluruh negara mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan rekod dalam sistem MYeHALAL, jumlah keseluruhan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah bagi skim Premis Makanan (restoran, kafe, medan selera, kantin, katering, dapur hotel, premis berangkai dan lain-lain) ialah sebanyak 1,937 syarikat dengan jumlah premis atau outlet sebanyak 10,543. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 935 syarikat adalah milikan bukan bumiputera.
2. Pecahan mengikut negeri berdasarkan zon, bagi negeri di zon selatan, iaitu Johor, jumlah syarikat yang mempunyai SPHM ialah sebanyak 124 dengan jumlah premis makanan sebanyak 1,178, Negeri Sembilan, 110 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 476, dan Melaka, 70 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 401. Seterusnya, bagi negeri di zon tengah, terdapat 332 syarikat di Selangor dengan jumlah premis makanan sebanyak 2,708, Perak, 222 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 777, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 184 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 1,600 dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, 14 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 149. Bagi zon utara pula, terdapat 71 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 440 di Kedah, Pulau Pinang, 141 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 695 dan di Perlis, 5 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 38. Manakala di zon timur, terdapat 34 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 201 di Kelantan, Terengganu, 64 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 259 dan Pahang, 148 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 494. Zon Borneo pula, terdapat 47 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 377 di Sabah, Sarawak, 367 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 728 dan di

Wilayah Persekutuan Labuan, 4 syarikat dengan jumlah premis makanan sebanyak 22.

3. Berhubung dengan jumlah premis makanan yang beroperasi tanpa pensijilan halal di seluruh negara mengikut pecahan negeri, Jabatan ini tiada maklumat kerana pensijilan halal bersifat sukarela dan tiada undang-undang yang mewajibkan semua premis makanan yang beroperasi mendapat SPHM.
4. Maklumat berkaitan premis, produk-produk dan perkhidmatan yang telah dipersijilkan halal, boleh diperolehi melalui semakan di Portal Halal di www.halal.gov.my dan juga melalui aplikasi di telefon pintar seperti *Smart Halal* dan *Verify Halal* yang boleh dimuat turun oleh pengguna sistem android mahupun IOS.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA
[PASIR SALAK]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN JAMALUDIN BIN YAHYA [PASIR SALAK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status pemilikan Projek Perumahan Generasi Baharu (PGBF) FELDA mengikut negeri, termasuk unit rumah yang berada dalam pembinaan atau dikenal pasti masih terbengkalai atas faktor kekangan peruntukan serta lokasi yang terbabit.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEMAJUAN DESA
DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) sedia ada dibangunkan untuk memberi manfaat kepada Generasi Baharu yang tinggal di kawasan tanah rancangan FELDA. Secara keseluruhan sebanyak 8,244 unit PGBF mengikut perancangan akan dibina di sebahagian tapak yang telah dikenal pasti di wilayah-wilayah FELDA.

Namun, terdapat kekangan dimana daripada keseluruhan unit yang dibina hanya sebahagian yang telah berjaya disiapkan. Pecahan adalah seperti yang berikut:

- a. 2,458 unit rumah di 12 tapak projek telah siap dengan CCC.
- b. 2,546 unit rumah dalam pembinaan di 11 tapak projek yang dianggarkan siap secara berperingkat sehigga 2025.
- c. 1,840 unit rumah di 10 tapak projek diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang.
- d. 510 unit rumah di 3 tapak projek diserahkan kepada Kerajaan Negeri Sembilan;
 - i. 150 unit rumah di Palong 12.
 - ii. 210 unit rumah di Palong 16.
 - iii. 150 unit rumah di Pasoh 3.
- e. 890 unit rumah di 4 tapak projek terbengkalai tanpa peruntukan;
 - i. 200 unit rumah di Bukit Aping Timur.
 - ii. 200 unit rumah di Pasak.

- iii. 300 unit rumah di Chiku 5.
- iv. 190 unit rumah di Kerteh 5.

Bagi unit yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri Pahang dan Negeri Sembilan untuk disiapkan adalah mengikut perolehan dan urus tabir Negeri masing-masing. Kesemua tapak yang diserahkan ini akan disempurnakan kerja penyiapan dengan perbelanjaan kerajaan Negeri masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN [HULU LANGAT] minta MENTERI
SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM menyatakan :**

- (a) berapa potensi nilai komersial Tanah Rizab Melayu yang masih belum diteroka bagi tahun 2023 dan 2024; dan
- (b) apakah status projek tebatan banjir di Hulu Langat setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam menerusi Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) bertanggungjawab untuk mengumpulkan data berkaitan Tanah Rizab Melayu, selaras dengan keputusan yang telah dibuat dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara Ke-69 pada 10 Disember 2013. Namun, perlu dijelaskan bahawa JKPTG tidak memiliki maklumat mengenai potensi nilai Tanah Rizab Melayu yang masih belum diterokai. Pihak yang berkepentingan adalah disarankan untuk merujuk kepada Pihak Berkuasa Negeri yang berkenaan bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai perkara ini.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan input daripada Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA), perancangan jangka masa panjang dalam mengurangkan risiko banjir adalah melalui projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Langat Fasa 1, 2 dan 3 yang melibatkan Daerah Sepang, Hulu Langat dan Kuala Langat. Projek RTB Sungai Langat Fasa 2, Selangor: Pakej 1 Daerah Hulu Langat dan Pakej 3: Daerah Kuala Langat telah dimohon di dalam *Rolling Plan* Kelima (RP5) Tahun 2024 dan telah melalui sesi pemeriksaan bajet. Walau bagaimanapun, kelulusan adalah bergantung kepada pertimbangan Kementerian Ekonomi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SYED SADDIQ BIN SYED
ABDUL RAHMAN [MUAR]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan bagi mewujudkan Akta Pembangunan Kawasan (CDF) yang saksama merentasi parti politik seperti mana dalam janji manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan amat menyedari kepentingan untuk memastikan pengagihan peruntukan pembangunan kawasan (CDF) dilaksanakan dengan adil dan saksama kepada semua ahli Parlimen. Namun, perkara ini akan melibatkan implikasi kewangan yang besar kepada Kerajaan. Dalam hal ini, Kerajaan melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) memberikan perhatian berkenaan cadangan ini dan akan membawa perkara ini.

2. Pada masa ini, peruntukan di kawasan Parlimen Pembangkang disalurkan secara terus melalui Pejabat Pembangunan Negeri di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) untuk pelaksanaan projek rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN
[KENINGAU]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan diambil Kerajaan untuk mempertikaikan dan menidakkan langkah Kerajaan Filipina terkini yang meluluskan dua undang-undang maritim yang menuntut dan menganggap sebahagian besar kawasan perairan dan pelantar benua Sabah sebagai wilayahnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Keningau** atas pertanyaan yang dikemukakan, dan di atas keprihatinan yang diberikan terhadap isu-isu di bawah seliaan Kementerian Luar Negeri, terutamanya isu-isu yang berkaitan dengan Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, isu berkaitan Laut China Selatan merupakan isu yang kompleks dan sensitif. Oleh yang demikian, isu ini perlu dikendalikan secara berhati-hati, teliti dan menyeluruh. Di dalam konteks pengendalian isu ini, saya ingin menegaskan bahawa kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa dijadikan teras utama di dalam setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan.

3. Pendirian Malaysia ke atas kedaulatan, hak kedaulatan, bidang kuasa dan kepentingan di kawasan maritim Malaysia tetap utuh dan akan sentiasa dipertahankan selaras dengan prinsip undang-undang antarabangsa, termasuk Konvensyen Undang-Undang Laut Antarabangsa (KUUL) 1982.

4. Malaysia membantah sebarang elemen pencerobohan dalam kedua-dua, dengan izin, "*Philippine Maritime Zone Act*" dan "*Philippine Archipelagic Sea Lanes Act*" ke atas zon maritim dan fitur maritim yang melibatkan kawasan maritim Malaysia berdasarkan kepada Peta Baru Malaysia 1979.

5. Kementerian Luar Negeri ingin menegaskan bahawa apa-apa tuntutan negara luar, termasuk Republik Filipina ke atas mana-mana bahagian di dalam negara Malaysia yang merdeka dan berdaulat, termasuk Sabah, tidak mempunyai apa-apa asas berdasarkan kepada undang-undang antarabangsa.

6. Kementerian Luar Negeri telah membuat bantahan secara rasmi kepada Kerajaan Republik Filipina berkaitan dengan kedua-dua akta maritim Republik Filipina tersebut, kerana ianya menyentuh hal ehwal kedaulatan, hak kedaulatan, bidang kuasa dan kepentingan Malaysia.

7. Setiap tindakan yang diambil oleh Kerajaan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif dan teliti berdasarkan kepada undang-undang antarabangsa termasuk KUUL 1982. Dalam hubungan ini, Kerajaan tidak akan sesekali pada bila-bila masa memprejudiskan kedaulatan, hak kedaulatan, bidang kuasa dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA]

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DR. RADZI JIDIN [PUTRAJAYA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan impak terhadap pendapatan PETRONAS dengan pengambilalihan semua aktiviti jual beli gas asli di Sarawak oleh Petroleum Sarawak (PETROS) dan menjelaskan kesan pengambilalihan tersebut terhadap hasil Kerajaan Persekutuan.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. PETRONAS masih lagi berunding dengan Sarawak melalui PETROS dengan tujuan mencapai manfaat bersama dalam hal pengedaran gas asli. Implikasi terhadap PETRONAS dan Kerajaan Persekutuan hanya akan diketahui setelah keputusan daripada perundingan tersebut adalah muktamad.
2. Semua pihak yang terlibat sedang berusaha untuk memastikan bahawa keputusan yang dicapai memelihara kepentingan negara dan tidak menjejaskan kestabilan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah usaha Kerajaan dalam berunding dengan negara-negara asing untuk menarik balik atau mengemas kini nasihat perjalanan (*Travel Advisory*) yang dikeluarkan terhadap kawasan Pantai Timur Sabah dan apakah langkah-langkah keselamatan tambahan yang diambil bagi memastikan keyakinan pelancong asing serta memulihkan sektor pelancongan di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada **Yang Berhormat Sandakan** atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan Malaysia sentiasa memantau nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh kerajaan asing yang melibatkan Malaysia. Nasihat perjalanan ini adalah amalan biasa untuk melindungi keselamatan rakyat mereka yang bercadang untuk mengunjungi sesebuah negara. Walau bagaimanapun, pengemaskinian terhadap nasihat perjalanan oleh negara-negara tersebut dilakukan secara berkala, berdasarkan penilaian terhadap situasi semasa dan tahap keselamatan negara berkenaan.

3. Pada ketika ini, masih terdapat beberapa negara yang mengekalkan nasihat perjalanan kepada rakyat mereka, terutamanya ke kawasan Pantai Timur Sabah, mengambil kira situasi keselamatan yang dinilai oleh negara tersebut dari semasa ke semasa. Ini termasuk Perintah Berkurung di Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE), yang kini dijenamakan sebagai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ESSZONE, berkuat kuasa mulai 17 Oktober 2023 dari jam 6 petang hingga 6 pagi.

4. Melalui pertemuan-pertemuan dan mesyuarat-mesyuarat yang melibatkan pegawai-pegawai kanan Kementerian Luar Negeri dengan Perwakilan-perwakilan Asing di Malaysia, pelbagai isu hubungan dua hala, serantau dan pelbagai hala serta isu keselamatan dibincangkan, termasuk nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh negara asing. Bagi negara-negara yang masih mengekalkan nasihat perjalanan yang tidak mencerminkan situasi semasa, pegawai-pegawai kanan kita akan meminta agar nasihat perjalanan ini dikemaskini, atau lebih baik, dipadamkan terus.

5. Di samping menjadi barisan hadapan negara dalam mendepani isu-isu antarabangsa, Kementerian Luar Negeri turut berperanan dalam menggalakkan dan memudah cara pertemuan dan perbincangan antara Perwakilan-perwakilan Asing di Malaysia dengan kepimpinan tertinggi Kerajaan-kerajaan Negeri, termasuk negeri Sabah.

6. Bagi tahun 2024, sehingga Oktober 2024, Kementerian Luar Negeri telah menerima permohonan daripada 19 Ketua Perwakilan Asing di Kuala Lumpur untuk mengadakan pertemuan dengan kepimpinan tertinggi Kerajaan Negeri Sabah termasuk dengan Yang di-Pertua Negeri dan Ketua Menteri.

7. Daripada jumlah tersebut, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah telah mengadakan pertemuan dengan lima (5) Ketua Perwakilan Asing, manakala Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah telah mengadakan pertemuan dengan seorang Ketua Perwakilan Asing.

8. Melalui pertemuan-pertemuan ini, Ketua-ketua Perwakilan Asing berkenaan telah berpeluang untuk mengadakan perbincangan lanjut mengenai isu keselamatan serta potensi pelancongan di negeri Sabah. Di samping itu, mereka juga berpeluang untuk mengadakan pertemuan dengan pemimpin kerajaan negeri Sabah yang lain, termasuklah bersama Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah.

9. Kementerian Luar Negeri akan terus bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Sabah untuk mempertingkatkan peluang mempromosi Sabah sebagai destinasi pelancongan utama negara, melalui dialog dan kolaborasi berterusan bersama-sama pejabat-pejabat Kedutaan Besar dan Suruhanjaya Tinggi asing di Malaysia.

10. Selain itu, Perwakilan-perwakilan Malaysia di Luar Negeri turut memainkan peranan untuk sentiasa mengadakan sesi libat urus bersama Kementerian dan Jabatan Luar Negeri serta agensi-agensi lain di negara tuan rumah, bagi memberi informasi terkini mengenai situasi dan perkembangan di Malaysia dan juga Pantai Timur Sabah dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

**TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :**

- a) peratusan terkini pemegang sijil halal terutama dalam kalangan syarikat bukan Muslim; dan
- b) apakah tindakan yang diambil berhubung semakan status halal baru-baru ini yang mendapati beberapa restoran terkemuka tidak memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Peratusan terkini pemegang sijil halal terutama dalam kalangan syarikat bukan Muslim

Berdasarkan rekod setakat 7 Oktober 2024, jumlah pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) ialah sebanyak 9,376 syarikat, dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 5,369 syarikat merupakan milikan bukan bumiputera dan 265 syarikat adalah milikan asing. Peratusan pemegang SPHM di kalangan Bukan Bumiputera ialah sebanyak **57 % (peratus)**.

2. Tindakan yang diambil berhubung semakan status halal baru-baru ini yang mendapati beberapa restoran terkemuka tidak memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia

- i. Kerajaan sentiasa mengambil langkah untuk membantu usahawan dalam pelbagai aspek termasuk meningkatkan kesedaran pengusaha-pengusaha mengenai pensijilan halal Malaysia.
- ii. Dalam hal ini, Kerajaan melalui JAKIM dan pihak berkuasa agama negeri-negeri sentiasa bertindak aktif menggalakkan pengusaha memohon SPHM dan dalam masa yang sama, kerjasama dengan agensi-agensi pembimbing seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI), Lembaga Perusahaan Pekebun Kecil (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA), Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) dan Majlis

NO SOALAN : 34

- Amanah Rakyat (MARA) sentiasa diadakan dalam usaha memudahcara dan membantu usahawan khususnya usahawan Industri Kecil dan Mikro.
- iii. Dalam masa yang sama, JAKIM dan agensi-agensi lain terus berusaha mengadakan promosi melalui taklimat dan bengkel mengenai prosedur dan kepentingan pensijilan halal serta mengadakan program bersama pihak persatuan-persatuan industri seperti Dewan Perniagaan Islam Malaysia (DPIM), *Federations of Malaysia Manufacturer* (FMM), *The Cosmetic, Toiletry & Fragrance Association of Malaysia* (CTFA), Persatuan Pemilik Hotel Malaysia (MAHO), Persatuan Hotel Malaysia (MAH) dan lain-lain bagi membantu meningkatkan jumlah permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia dalam kalangan industri berkenaan.
 - iv. Manakala dalam konteks penguatkuasaan halal, JAKIM dan JAIN/MAIN bersama-sama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) amat mengambil berat akan kawalan terhadap penggunaan logo halal dan isu-isu berkaitan halal yang boleh mengelirukan pengguna. Tindakan penguatkuasaan akan diambil sekiranya terdapat penyalahgunaan logo halal atau sebarang pelanggaran terhadap Akta Perihal Dagangan 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.
 - v. Sebagai inisiatif bagi menyelaraskan aduan-aduan berkaitan halal, JAKIM telah menubuhkan Pasukan Strategik Halal Malaysia dan Hubungan Industri agar tindakan dapat dilaksanakan dengan segera. Orang ramai boleh mendapat maklumat berkaitan produk-produk dan perkhidmatan yang telah dipersijilkan halal, melalui semakan di Portal Halal di www.halal.gov.my dan juga melalui aplikasi di telefon pintar seperti *Smart Halal* dan *Verify Halal* yang boleh dimuat turun oleh pengguna sistem android mahupun IOS.

NO SOALAN : 34

- vi. Di samping itu, masyarakat pengguna khususnya yang beragama Islam, disaran agar sentiasa peka dan bijak memilih perkhidmatan dan produk makanan, minuman serta barangan keperluan yang berada di pasaran, termasuklah premis makanan, yang telah disahkan halal oleh pihak berkuasa berwibawa iaitu JAKIM dan Majlis Agama Islam Negeri/Jabatan Agama Islam Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB
[BERA]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SRI ISMAIL SABRI BIN YAAKOB [BERA] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapa jumlah perdagangan dan pelaburan yang telah direalisasikan pada tahun ini sehingga September 2024 serta sektor apakah yang menjadi tumpuan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berkenaan persoalan Ahli Yang Berhormat mengenai pelaburan yang direalisasikan, dimaklumkan bahawa berdasarkan definisi Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), pelaburan yang direalisasikan adalah merujuk kepada projek yang telah memulakan operasi, sedang dalam pembinaan bangunan atau kilang, atau sedang di peringkat pemasangan mesin dan peralatan. Pelaksanaan projek perkilangan secara lazimnya akan mengambil masa di antara 18 sehingga 24 bulan untuk direalisasikan, bergantung kepada kompleksiti, skala projek dan keadaan ekonomi semasa.

2. Secara lazimnya, untuk mendapat gambaran yang jelas berkenaan trend projek pelaburan, ianya boleh dilihat dari segi perbandingan antara jumlah projek yang diluluskan dan direalisasikan, yang mana, tempoh lima tahun ke belakang akan diambil kira. Bagi maksud ini, bagi sektor perkilangan yang dikawal selia oleh MITI dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), di sepanjang tempoh 2019 hingga Jun 2024, sebanyak 4,942 projek perkilangan telah diluluskan meliputi pelaburan asing dan domestik bernilai RM665.5 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 83.7% atau 4,135 projek telah direalisasikan, melibatkan pelaburan berjumlah RM500.5 bilion (75.2%).

3. Berkenaan sektor tumpuan, lima industri utama yang mencatatkan pelaburan yang direalisasikan tertinggi adalah elektrik dan elektronik (E&E) (RM4.8 bilion), kimia dan produk kimia (RM1.1 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM0.9 bilion), jentera dan kelengkapan (RM0.5 bilion), dan barangan logam fabrikasi (RM0.3 bilion) yang merangkumi 84.4% daripada nilai pelaburan yang direalisasikan untuk sektor perkilangan.

4. Bagi prestasi perdagangan pula, nilai perdagangan yang dicatatkan bagi tempoh Januari sehingga September 2024 adalah berjumlah RM2.14 trilion dengan peningkatan sebanyak 10.2%, berbanding tempoh sama pada tahun 2023. Daripada jumlah ini, eksport adalah bernilai RM1.12 trilion, iaitu meningkat pada kadar 5.2%, manakala import pula meningkat sebanyak 16.1% kepada RM1.02 bilion.

5. Pasaran eksport utama Malaysia bagi tempoh ini adalah ASEAN (29.6%), Amerika Syarikat (12.6%), Republik Rakyat China (12.3%), Kesatuan Eropah (7.8%) dan Hong Kong SAR (5.8%).

6. Manakala, barangan eksport utama bagi tempoh yang sama adalah barangan E&E (39.2%), keluaran petroleum (8.9%), minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit (5.0%), kimia dan bahan kimia (5.0%), serta jentera, kelengkapan dan peralatan (4.5%). Barangan import utama pula adalah barangan E&E (32.5%), keluaran petroleum (9.9%), jentera, kelengkapan dan peralatan (8.2%), kimia dan bahan kimia (7.8%) serta barangan perkilangan logam (5.3%).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG
[MARANG]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TAN SRI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG [MARANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan bagi memastikan usaha SPRM dalam memerangi rasuah dilaksanakan secara bebas, adil dan telus tanpa campur tangan serta tekanan daripada mana-mana pihak agar integriti dan kepercayaan rakyat kepada institusi tersebut kekal terpelihara.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. SPRM adalah satu Suruhanjaya yang bebas untuk bertindak dan mengambil tindakan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, dan sentiasa memastikan pematuhan terhadap Perlembagaan Persekutuan, Undang-Undang lain yang berkuatkuasa dan dasar-dasar Kerajaan. Sejak penubuhan SPRM pada tahun 2009, perubahan dibentuk ke atas struktur tanggungjawab SPRM telah dibuat melalui penubuhan lima (5) badan pemantau bebas sebagai mekanisme semak dan imbang kepada SPRM yang melibatkan masyarakat pelbagai peringkat termasuklah ahli Parlimen dalam usaha membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

2. Lima badan pemantau bebas berkenaan adalah seperti berikut:

2.1 Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) - Jawatankuasa ini dilantik melalui peruntukan seksyen 13 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang dianggotai oleh tujuh (7) individu yang berintegriti dan telah memberikan perkhidmatan awam yang cemerlang serta mencapai keunggulan dalam profesion masing-masing. Di antara fungsi yang diperuntukkan adalah untuk menasihati SPRM mengenai dasar dan strategi pencegahan rasuah.

2.2 Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah (JKMR) - Jawatankuasa ini dilantik melalui peruntukan seksyen 14 Akta 694 yang dianggotai oleh tujuh (7) orang ahli Parlimen daripada parti politik blok kerajaan dan blok pembangkang. Di antara fungsi yang diperuntukkan adalah untuk menasihati Perdana Menteri berhubung masalah rasuah di

Malaysia dan memeriksa ulasan LPPR tentang perjalanan fungsi SPRM.

- 2.3 **Jawatankuasa Aduan (JKA)** - Jawatankuasa ini dilantik melalui peruntukan seksyen 15 Akta 694 yang dianggotai oleh pengamal undang-undang, bekas pegawai tinggi kerajaan dan mereka yang berkepakaran dalam pengurusan sumber manusia. Di antara fungsi yang diperuntukkan adalah untuk memantau SPRM dalam pengendalian aduan berhubung salah laku yang tidak bersifat jenayah di kalangan pegawai SPRM.
- 2.4 **Panel Penilaian Operasi (PPO)** – Jawatankuasa ini dilantik secara pentadbiran dan dianggotai oleh individu yang mempunyai kepakaran dan mewakili badan-badan profesional yang bersesuaian serta berupaya meningkatkan ketelusan SPRM. Di antara fungsi panel ini adalah memantau status kertas siasatan yang dibuka oleh SPRM serta keputusan kes yang dibuat oleh Timbalan Pendakwa Raya.
- 2.5 **Panel Perundingan dan Pencegahan Rasuah (PPPR)** - Jawatankuasa ini dilantik secara pentadbiran dan dianggotai oleh pelbagai kumpulan masyarakat sivil seperti pengamal media, pengamal undang-undang, tokoh korporat, ahli akademik, pakar komunikasi dan aktivis sosial. Di antara fungsi panel ini adalah menasihati SPRM bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti pendidikan, kempen pencegahan rasuah di kalangan masyarakat serta pemeriksaan dan perundingan terhadap amalan, sistem dan tatacara kerja di sektor awam dan swasta.

3. Selain daripada itu, siasatan yang dilaksanakan oleh SPRM terutamanya dalam kes-kes berprofil tinggi, berkepentingan awam dan sensitif membuktikan bahawa agensi ini bertindak tanpa sebarang kacau gangu daripada pihak pemerintah, sentiasa bersikap profesional dan mengikut '*rule of law*' semasa menjalankan siasatan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Sebarang tindakan yang di ambil

NO SOALAN : 36

adalah bebas dan dilaksanakan *without fear or favour*. SPRM juga tidak tertakluk kepada mana-mana pihak dalam menjalankan tugas-tugas siasatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah e-Kasih yang berdaftar mengikut pecahan negeri dan secara khususnya bagi Parlimen Sungai Siput sehingga 30 Oktober 2024.

JAWAPAN**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga **30 November 2024**, seramai **393,730 Ketua Isi Rumah (KIR)** berdaftar dalam eKasih di seluruh negara. **2,191 KIR** di bawah kategori Miskin Tegar dan **391,539 KIR** adalah Miskin. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	STATUS KEMISKINAN		JUMLAH KESELURUHAN
	MISKIN TEGAR	MISKIN	
JOHOR	275	12,997	13,272
KEDAH	341	32,247	32,588
KELANTAN	99	58,684	58,783
MELAKA	0	9,306	9,306
N.SEMBILAN	0	11,604	11,604
PAHANG	174	14,240	14,414
PERAK	62	28,553	28,615
PERLIS	0	14,100	14,100
P.PINANG	122	17,281	17,403
SABAH	289	71,900	72,189
SARAWAK	91	58,877	58,968
SELANGOR	112	22,098	22,210
TERENGGANU	103	31,460	31,563
WP KL	474	6,382	6,856
WP LABUAN	49	1,772	1,821
WP PUTRAJAYA	0	38	38
JUMLAH	2,191	391,539	393,730

2. Bagi Parlimen Sungai Siput, terdapat sebanyak **870 KIR** yang terdiri daripada **862 KIR** Miskin dan **8 KIR** Miskin Tegar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK]

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN FATHUL HUZIR BIN AYOB [GERIK] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan perancangan Kementerian dan Jabatan Perhilitan bagi menyelesaikan isu gajah liar di Gerik dan Pengkalan Hulu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia prihatin dengan kejadian gangguan gajah liar termasuk di Gerik dan Pengkalan Hulu, Perak. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) menjalankan 23 operasi tangkapan gajah dari tahun 2020 hingga 2024 di Hulu Gerik, Perak dan memindahkan kumpulan gajah tersebut ke habitat yang lebih luas, sesuai dan jauh daripada penempatan penduduk;
- (ii) membina tiga (3) unit Sistem Pagar Elektrik Gajah (SPEG) kekal di Kg. Bukit Sapi - Kg. Batu Reng, RPS Air Banun dan Bersia bagi mengurangkan pencerobohan gajah dalam kawasan penempatan penduduk;
- (iii) memasang 4 unit kolar satelit dalam kalangan kumpulan gajah yang telah dikenal pasti pada tahun 2023 bagi memantau pergerakan kumpulan gajah tersebut dan seterusnya mengambil tindakan pencegahan awal sekiranya kumpulan tersebut menghampiri kawasan kampung atau pertanian;
- (iv) melaksana pengayaan habitat dengan mewujudkan 2 jenut tiruan di bawah lintasan hidupan liar (*viaduct*) Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) A-PL1 (Hutan Simpan Temengor – Hutan Simpan Amanjaya – Hutan Simpan Belum), Gerik Perak bagi mengalihkan perhatian hidupan liar terutamanya gajah supaya tidak melintasi kawasan jalan raya;
- (v) memasang 144 tiang lampu jenis LED di 17 lokasi hotspot kawasan lintasan gajah bagi tujuan pencahayaan dan mengurangkan risiko roadkill;

NO SOALAN : 38

- (vi) memasang 12 unit papan tanda lintasan gajah di Jalan Raya Timur Barat (JRTB) (termasuk 2 billboard); dan
- (vii) membuat hebahan awam dalam bentuk notifikasi, video pendek dan poster lintasan gajah di media sosial khususnya semasa musim perayaan bagi meningkatkan kesedaran kepada pengguna JRTB mengenai langkah-langkah keselamatan sekiranya berlaku pertembungan dengan gajah.

2. Bagi perancangan jangka panjang, Jabatan PERHILITAN telah membangunkan Pelan Tindakan Konservasi Gajah Kebangsaan (2023-2030) (NECAP 2.0) sebagai panduan dalam melaksanakan pengurusan gajah yang lebih menyeluruh termasuk mengadakan program kesedaran awam ke arah kewujudan bersama (*co-existence*) bersama pemegang taruh bagi memberi kesedaran mengenai pengurusan konflik hidupan liar.

3. Salah satu pendekatan yang dilaksanakan ialah untuk membangunkan santuari gajah. Dalam hubungan ini, Jabatan PERHILITAN bersama kerjasama Kerajaan Negeri Perak telah mengenal pasti kawasan yang sesuai untuk pembangunan Tapak Santuari Gajah Perak yang berkeluasan lebih kurang 197 ekar di Parlimen Gerik. Projek Santuari Gajah Perak akan dibangunkan melalui peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ZAHIR BIN HASSAN
[WANGSA MAJU]
TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN ZAHIR BIN HASSAN [WANGSA MAJU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kementerian dan DBKL memastikan penyelarasan bagi meluluskan permohonan perintah pembangunan berlaku selari dan seimbang dengan keperluan meningkatkan semua infrastruktur sokongan termasuk dan tidak terhad kepada jalan, sekolah, klinik, kemudahan tempat letak kereta dan kawasan hijau.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebarang cadangan pembangunan yang dipertimbangkan untuk kelulusan perlu mematuhi zon guna tanah dan intensiti yang telah ditetapkan di dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur (PTKL) yang telah diwartakan. Penetapan zon guna tanah dan intensiti pembangunan di dalam PTKL 2020 ini telah mengambilkira kapasiti selaras dengan daya tampung dari segi semua aspek perancangan termasuk trafik, sosial, keboleh sediaan infrastruktur, utiliti dan kemudahan masyarakat.
2. Dalam konteks kawalan perancangan, cadangan pembangunan baharu adalah dipastikan supaya seimbang dan mematuhi semua dasar-dasar semasa kerajaan, kehendak-kehendak teknikal dan garis panduan perancangan termasuk syarat-syarat yang dikenakan oleh jabatan teknikal dalaman DBKL serta agensi teknikal luaran. Ini bagi memastikan pembangunan yang diluluskan mengambilkira semua aspek dan kehendak yang telah ditetapkan termasuk peningkatan infrastruktur, penyediaan kemudahan sokongan dan penyediaan kawasan lapang. Kelulusan terhadap permohonan pembangunan baharu hanya akan diberikan setelah semua aspek teknikal dan syarat-syarat dipatuhi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM
[BERUAS]
TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk memastikan kejayaan Kerian Integrated Green Industrial Park (KIGIP) di Daerah Kerian, Perak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. *Kerian Integrated Green Industrial Park* (KIGIP) telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan **Belanjawan 2024** dengan **berkonsepkan Taman Perindustrian “Hijau dan Pintar”** (*‘Green’ and ‘Smart’*). Projek ini akan **dibangunkan** sebagai **kawasan perindustrian berteknologi tinggi** berasaskan **sumber tenaga hijau** bagi membina ekosistem yang lebih luas untuk **kluster elektrik dan elektronik** (E&E), termasuk **semikonduktor**, di wilayah utara.

2. Projek KIGIP dilaksanakan menerusi kaedah kerjasama awam swasta (***Public Private Partnership* - PPP**). Tapak projek yang berkeluasan hampir **8,000 ekar** adalah **milik penuh SD Guthrie** dan ini bermakna **Kerajaan Persekutuan tidak perlu menyediakan peruntukan** bagi tujuan **pengambilan alih tanah**. KIGIP merupakan satu projek ikonik dan berkepentingan nasional yang dilaksanakan secara *Whole-of-Government approach*. Menerusi kaedah ini, kesemua pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak serta pihak SD Guthrie dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) berganding bahu bagi memastikan projek ini dilaksanakan dengan jayanya.

3. **Kerajaan Persekutuan amat komited** bagi memastikan pembangunan KIGIP dapat **direalisasikan dengan kadar segera**. Selaras dengan komitmen ini, **status kemajuan pelaksanaan KIGIP** dipantau secara menyeluruh dan berkala oleh **Pasukan Petugas Khas Pembangunan KIGIP** (PPK KIGIP) yang **dipengerusikan** secara **bersama** oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (**MITI**) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (**UPEN Perak**). PPK ini dianggotai oleh wakil-wakil Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Perak, Jabatan serta Agensi berkaitan. PPK berperanan untuk **menyelaras, menyusuli** dan mengambil **tindakan lanjut** bagi **menyokong** pembangunan dan pelaksanaan KIGIP, termasuk aspek berkaitan **tapak projek, potensi dan promosi pelaburan** serta **kemudahan infrastruktur**. Selain daripada itu, PPK turut melaporkan status

pelaksanaan KIGIP kepada **Majlis Pelaburan Negara** (MPN) yang dipengerusikan sendiri oleh YAB Perdana Menteri.

4. Kerajaan Persekutuan juga cakna dengan **keperluan kemudahan utiliti dan infrastruktur** bagi memastikan **KIGIP dapat beroperasi pada tahap optimum**. Sehubungan ini, **Kementerian Ekonomi** (KE) sedang meneliti permohonan peruntukan dari Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) untuk **Projek Penyaluran Air Mentah dari Sungai Perak untuk Bekalan Air di kawasan Utara Perak dan Pulau Pinang** dengan kos sebanyak **RM1.7 bilion**. Projek tersebut apabila siap kelak dijangka akan dapat membekalkan sumber air mentah tambahan untuk kegunaan di KIGIP, Utara Perak dan Pulau Pinang dengan kapasiti sebanyak **1,500 juta liter/hari**. Selain itu, KE juga sedang mempertimbangkan permohonan **Kementerian Kerja Raya** untuk menyediakan kajian kebolehlaksanaan bagi membina **persimpangan baharu di Lebuhraya Utara Selatan** di antara Alor Pongsu dan Bandar Baharu bagi **meningkatkan akes** ke kawasan KIGIP.

5. MITI dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan terus berperanan dalam **mempromosi potensi pelaburan** bagi menarik lebih ramai pelabur asing dan domestik ke KIGIP dalam **sektor yang disasarkan**, khususnya **teknologi hijau, semikonduktor** serta **elektrik dan elektronik**. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah **memperkukuh ekosistem** dan **khidmat fasilitasi pelaburan** serta membangunkan **rangkaian bekalan tempatan**.

6. Kerajaan Persekutuan, dengan kerjasama erat Kerajaan Negeri Perak, SD Guthrie dan PNB akan terus **komited** dalam memastikan KIGIP dapat dilaksanakan dengan jayanya sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan MADANI.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN [PORT DICKSON] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah perancangan dan strategi Kementerian dalam meningkatkan jumlah usahawan muda di negara kita dan bagaimana Kementerian merancang untuk memperkukuhkan ekosistem koperasi di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) sentiasa komited dalam melaksanakan pelbagai program yang bersifat inklusif termasuk kepada usahawan muda dan bagi memperkukuhkan ekosistem koperasi di Malaysia.

2. Bagi meningkatkan bilangan usahawan muda, KUSKOP melalui dokumen Perancangan Strategik Kementerian Tahun 2024 telah menggariskan beberapa strategi seperti Pembudayaan Keusahawanan, Pembangunan Kapasiti dan Peningkatan Akses Pembiayaan untuk menggalakkan golongan muda menceburi bidang keusahawanan melalui program dan inisiatif seperti berikut:

- (i) program-program di bawah *Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs* (PROTÉGÉ) yang merangkumi Program Usahawan Perantis (SPACE – Asas), Program Usahawan Perantis (SPACE – Pembangunan Produk dan Servis), Program Latihan Intensif Dalam Talian Bagi Usahawan Generasi Baru (N-GENE), Program Penempatan Latihan Kerjaya & Keusahawanan TVET (GRACE), Program Anjakan Minda Keusahawanan Graduan (PANDU) dan Program Usahawan Siswazah (PUSH);
- (ii) Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) oleh SME Corp yang menyediakan bantuan pembangunan kapasiti berbentuk latihan, geran permulaan perniagaan dan khidmat nasihat;
- (iii) pembiayaan khas kepada usahawan muda melalui Skim Pembiayaan TEKUN Niaga oleh TEKUN Nasional;

NO SOALAN : 41

- (iv) program pembangunan keusahawanan kepada usahawan muda oleh Bank Rakyat melalui program Bank Rakyat UNIprenneur dan *Graduate Mentoring Program*; dan
- (v) program *Young Entrepreneurship Engagement Talent* oleh Pernas kepada usahawan belia untuk menyertai perniagaan francais.

3. Bagi memperkukuhkan ekosistem koperasi di Malaysia, KUSKOP juga telah membangunkan Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030) yang merupakan hala tuju strategik bagi pembangunan koperasi dalam meningkatkan prestasi ekonomi dan kesejahteraan sosial anggotanya. Selain itu, KUSKOP dalam proses menggubal akta koperasi yang baharu bagi menggantikan Akta Koperasi 1993 [Akta 502] bagi memperkukuhkan elemen pengawalseliaan dan memastikan perundangan koperasi kekal relevan dengan persekitaran ekonomi semasa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah ada rancangan Kerajaan untuk memperkenalkan skim atau mekanisme gaji baru untuk para hakim di Malaysia iaitu semakan gaji secara berkala selaras dengan keperluan semasa agar badan kehakiman kita kekal didukung pada tahap yang tinggi.

JAWAPAN

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, punca kuasa berhubung dengan saraan Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan, Hakim Besar, Hakim Mahkamah Persekutuan, Hakim Mahkamah Rayuan, Hakim Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman (Hakim Mahkamah Atasan) diperuntukkan di bawah Perkara 125(6) dan (7) Perlembagaan Persekutuan. Hal perkara mengenai saraan Hakim diperuntukkan secara khusus dalam Akta Saraan Hakim [*Akta 45*] dan jumlah nilai saraan yang diperuntukkan adalah tetap.
2. Bagi Pegawai Undang-Undang (Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen) yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) pula, urusan kenaikan gaji Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen adalah di bawah bidang kuasa Bahagian Saraan Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia.
3. Bagi Hakim Mahkamah Atasan, kali terakhir semakan gaji adalah pada tahun 2015 manakala kali terakhir semakan elaun adalah pada tahun 2009.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan kini sedang dalam kajian untuk menambah baik saraan Hakim Mahkamah Atasan mengambil kira peningkatan beban tugas kehakiman yang melibatkan peningkatan konsisten dalam pemfailan kes di mahkamah dan kerumitan kes yang difailkan yang memerlukan kepakaran yang tinggi untuk menyelesaikan kes-kes sedemikian.

5. Kerajaan komited dalam mendukung kebebasan Badan Kehakiman dalam menegakkan dan melaksanakan keadilan tanpa rasa takut atau pilih kasih dan doktrin pengasingan kuasa yang menjadi struktur asas Perlembagaan Persekutuan.

6. Justeru, peranan Hakim Mahkamah Atasan akan sentiasa menjadi keutamaan. Bagi maksud tersebut, Kerajaan akan melihat keseluruhan sudut bagi memastikan sistem saraan terbaik diberikan kepada Hakim Mahkamah Atasan sejajar dengan tanggungjawab yang digalas oleh mereka.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA
[TAMPIN]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' MOHD ISAM BIN MOHD ISA [TAMPIN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan justifikasi berhubung dasar atau polisi Kerajaan yang seolah-olah tidak mengiktiraf mangsa banjir kilat daripada sebarang bantuan atas alasan tidak berpindah atau tidak ditempatkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) dan juga mangsa banjir yang tidak mendaftarkan diri di PPS.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Di bawah Arahan NADMA No. 1, banjir kilat tidak ditakrifkan sebagai kejadian bencana. Berdasarkan takrifan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), banjir kilat adalah kejadian atau insiden yang disebabkan keamatan hujan yang tinggi dan setempat mengakibatkan kenaikan dan penurunan air dalam masa yang singkat (kurang 6 jam).
2. Pelbagai faktor yang menyumbang kepada banjir kilat khususnya kelemahan penyelenggaraan sistem perparitan dan sungai yang tidak dilaksanakan secara optimum serta pembangunan yang tidak dirancang dengan baik. Bagi mengatasi insiden banjir kilat yang kerap kali berulang, Mesyuarat Jemaah Menteri berhubung Masalah Perparitan dan Kawalan Banjir di Kawasan Bandar telah memutuskan supaya masalah perparitan dan banjir di kawasan bandar adalah di bawah tanggungjawab JPS, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).
3. Namun begitu, kenyataan bahawa Kerajaan seolah-olah tidak mengiktiraf mangsa banjir kilat dari sebarang bantuan kerana tidak berpindah ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) atau tidak mendaftarkan diri di PPS adalah tidak tepat.
4. Meskipun banjir kilat tidak dikategorikan sebagai bencana, namun dalam keadaan tertentu sekiranya insiden banjir kilat menjadi bertambah buruk dan air tidak surut dalam tempoh 4 hingga 6 jam, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan Negeri boleh mengisytiharkan bahawa bencana banjir telah berlaku dan penyaluran bantuan boleh dipertimbangkan berdasarkan impak bencana banjir ke atas komuniti setempat.

5. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, terdapat dua (2) jenis bantuan bencana yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan yang disalurkan oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) kepada semua negeri iaitu Bantuan Wang Ihsan dan Bantuan Wang Ihsan Kematian.
6. Bantuan Wang Ihsan merupakan sumbangan sebanyak RM1,000 untuk Ketua Isi Rumah yang terjejas akibat bencana dan berpindah atau berdaftar di Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Manakala, Bantuan Wang Ihsan Kematian merupakan sumbangan sebanyak RM10,000 untuk waris kepada mangsa yang meninggal dunia akibat bencana.
7. Pemberian Bantuan Wang Ihsan bukanlah merupakan suatu bentuk pampasan terhadap kerugian yang dialami oleh mangsa bencana tetapi ia lebih merupakan tanda keprihatinan Kerajaan Persekutuan bagi meringankan beban mangsa bencana.
8. Selain bantuan Kerajaan Persekutuan, semua Kerajaan Negeri turut disarankan untuk menyalurkan bantuan-bantuan lain yang boleh disumbangkan oleh agensi-agensi peringkat negeri seperti lembaga zakat dan badan-badan korporat untuk membantu meringankan beban mangsa bencana.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR
[BATU PAHAT]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN HAJI ONN BIN ABU BAKAR [BATU PAHAT] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Rumah Api Pulau Pisang yang kini diuruskan oleh Singapura dan apakah langkah-langkah yang telah atau akan diambil oleh Kerajaan untuk membatalkan perjanjian lama.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran dan pengoperasian Pulau Pisang diserahkan kepada pihak Singapura berdasarkan *indenture* yang telah ditandatangani pada 6 Oktober 1900 antara Sultan Ibrahim iaitu Sultan Johor pada ketika itu dengan James Alexander Swettenham, Gabenor Negeri-Negeri Selat yang mewakili Kerajaan British. Melalui *indenture* berkenaan, Kerajaan Johor telah menyerahkan sebahagian kecil tanah di Pulau Pisang bermula dari pantai hingga ke Rumah Api kepada Kerajaan Inggeris. Manakala Singapura selaku pewaris Negeri Selat telah mentadbir sebahagian kecil tanah dari pantai ke Rumah Api tersebut yang berjumlah 2.25 ekar atau hanya 0.5 peratus dari keseluruhan keluasan Pulau Pisang berjumlah 446 ekar (178.4 hektar). Penyerahan berkenaan hanya untuk pengurusan dan kawal selia Rumah Api sahaja oleh Maritime and Port Authority of Singapore (MPA) melalui dua (2) orang pekerja Rumah Api yang bertugas secara bergilir-gilir. Perjanjian *indenture* tersebut masih sah dan terpakai sehingga kini bagi maksud pengurusan dan kawal selia Rumah Api sahaja dan tidak melibatkan hak milik kedaulatan pulau. Kedaulatan Pulau Pisang tidak boleh disanggah "*undisputed*" dan adalah hak milik Malaysia.
2. Kerajaan telah melaksanakan langkah-langkah kawalan terhadap Pulau Pisang bagi memastikan aktiviti masuk dan keluar di pulau ini dipantau dengan ketat selaras dengan kedaulatan Malaysia ke atas pulau ini. Kakitangan Kerajaan dan rakyat Singapura yang mengendali dan menyelenggara rumah api tersebut perlu mematuhi peraturan dan syarat kemasukan yang ditetapkan Kerajaan Malaysia termasuk mendaftar dengan Jabatan Imigresen di Kukup,

NO SOALAN : 44

Johor setiap kali pertukaran syif dan direkodkan. Proses yang sama juga digunakan setiap kali mereka meninggalkan rumah api di Pulau Pisang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' ROSOL BIN WAHID [HULU TERENGGANU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan ke Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Terengganu sejak 2020 sehingga kini.

JAWAPAN

**YB DR. ZALIHA BINTI MUSTAFA,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Peruntukan Khas YAB Perdana Menteri untuk Kawasan Parlimen hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini adalah mengikut dasar sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan Kerajaan.
2. Sejak tahun 2020 hingga Oktober 2024, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah **RM313.080 juta** bagi pelaksanaan **5,797** projek / program di negeri Terengganu. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **901** projek / program dengan peruntukan berjumlah **RM32.915 juta** telah diluluskan untuk Parlimen Hulu Terengganu.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHONG ZHEMIN
[KAMPAR]
TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

TUAN CHONG ZHEMIN [KAMPAR] minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan asing yang telah dilaburkan di mana wang pelaburan telah pun mengalir ke dalam negara pada tahun ini berbanding dengan jumlah pelaburan asing yang telah diumumkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Daripada perspektif Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), pelaburan asing (*foreign investment* – FI) yang diumumkan oleh MITI adalah merujuk kepada FI yang diluluskan. Manakala, bagi FI yang telah dilaburkan, iaitu wang atau jumlah pelaburan yang mengalir masuk ke dalam negara pula adalah merujuk kepada FI yang telah direalisasikan.
2. Dari segi FI yang diluluskan, bagi tempoh 2019 sehingga Jun 2024, sektor perkilangan di bawah seliaan MITI dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah mencatatkan jumlah FI yang diluluskan sejumlah RM534.7 bilion. Jumlah tersebut melibatkan sebanyak 4,942 projek dan dijangka menjana sejumlah 417,319 peluang pekerjaan baharu.
3. Manakala dari segi FI yang direalisasikan, atau wang pelaburan yang berjaya dibawa masuk ke dalam negara, ianya merujuk kepada projek yang telah memulakan operasi, sedang dalam pembinaan bangunan atau kilang atau sedang di peringkat pemasangan mesin dan peralatan. Pelaksanaan projek perkilangan secara lazimnya akan mengambil masa di antara 18 sehingga 24 bulan untuk direalisasikan, bergantung kepada kompleksiti, skala projek dan keadaan ekonomi semasa.
4. Daripada sejumlah RM534.7 bilion FI yang diluluskan bagi tempoh tersebut, sebanyak RM398.9 bilion (74.6%) melibatkan 4,135 projek telah direalisasikan, serta mewujudkan sebanyak 339,552 peluang pekerjaan.
5. Lima industri utama dalam sektor perkilangan yang mencatatkan jumlah FI yang direalisasikan tertinggi adalah elektrik dan elektronik (RM250.4 bilion); produk logam asas (RM35.7 bilion); jentera dan kelengkapan (RM28.6 bilion); kertas, percetakan dan penerbitan (RM14.9 bilion) dan kimia dan produk kimia (RM12.1 bilion). Jumlah ini merangkumi 85.7% daripada RM398.9 bilion FI yang direalisasikan.

6. Kementerian ini akan terus proaktif dan responsif dalam memberikan nasihat dan fasilitasi kepada bakal pelabur bagi memastikan projek-projek yang berpotensi dapat dimudahcara dan dilaksanakan dengan jayanya secara teratur dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI
MOHD. YASSIN [PAGOH]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TAN SRI DATO' HAJI MAHIADDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN [PAGOH] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah strategi jangka pendek, sederhana dan panjang Kerajaan untuk membantu golongan PMKS yang terjejas akibat masalah aliran tunai, serta pendekatan yang diambil untuk mempercepat pemulihan industri PMKS secara menyeluruh terutama usahawan Bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah merangka pelbagai strategi jangka pendek, sederhana dan panjang untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang terjejas akibat masalah aliran tunai melalui inisiatif di bawah Pelan Strategik Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) 2030. Di samping itu, KUSKOP juga turut menyokong pelaksanaan inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PuTERA35) untuk memperkasakan usahawan Bumiputera.

2. Bagi tempoh jangka pendek, inisiatif Belanjawan 2025 sebanyak RM40 bilion disediakan kepada pemain industri PMKS merangkumi kemudahan pinjaman dan jaminan pembiayaan. Antara perincian inisiatif tersebut adalah;

- (i) pinjaman bersaiz mikro berjumlah RM3.2 bilion yang membantu penjaja kecil, komuniti OKU, masyarakat Cina serta Bumiputera;
- (ii) pembiayaan khusus kepada usahawan PMKS halal dengan dana berjumlah RM600 juta;
- (iii) peruntukan sebanyak RM20 juta untuk Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) bagi menggalakkan generasi belia menceburi bidang perniagaan; dan
- (iv) Dana pembiayaan sebanyak RM470 juta bagi menyokong pembangunan usahawan PMKS wanita.

3. Bagi tempoh jangka sederhana dan panjang, beberapa strategi telah dikenalpasti untuk membantu usahawan PMKS yang terjejas seperti berikut;

- (i) memastikan PMKS memperoleh akses kepada pembiayaan

NO SOALAN : 47

dari segi pinjaman, geran atau insentif mengikut keperluan dan persekitaran perniagaan;

- (ii) menawarkan lebih banyak pilihan pembiayaan alternatif kepada PMKS;
- (iii) menyediakan program pembangunan kapasiti dan bimbingan keusahawanan kepada PMKS termasuk peluang pendidikan dan latihan untuk peningkatan kemahiran atau latihan semula tenaga kerja; dan
- (iv) membuka peluang pasaran perdagangan dalam dan luar negeri kepada PMKS untuk mengembangkan perniagaan.

4. Selain itu, dalam usaha mempercepatkan perkembangan industri PMKS secara menyeluruh, KUSKOP telah mengenalpasti beberapa pendekatan secara inklusif untuk membantu semua kumpulan usahawan termasuk usahawan bumiputera seperti berikut;

- (i) menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menyokong pemecutan pertumbuhan dan kestabilan sektor keusahawanan negara;
- (ii) mempertingkatkan skala dan daya saing usahawan dan koperasi; dan
- (iii) memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan keusahawanan supaya lebih fasilitatif dan efektif.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM
[ARAU]**

TARIKH : 9 DISEMBER 2024 (ISNIN)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASIM [ARAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana Kementerian dapat memastikan peningkatan gaji premium RM2,500 kepada lepasan Pendidikan Dan Latihan Teknikal Dan Vokasional (TVET) seiring dengan jaminan kualiti latihan.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI,
TIMBALAN PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI KEMAJUAN
DESA DAN WILAYAH**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Sebagai pemangkin untuk pihak industri membayar gaji sepadan kepada graduan TVET, Kerajaan secara berterusan menggalakkan graduan TVET melengkapkan diri dengan lesen dan sijil kompetensi tambahan dari badan profesional untuk memastikan kualiti graduan ini adalah menepati keperluan sebenar industri.
2. Pengiktirafan profesional seperti Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) merupakan satu nilai tambah yang akan menyumbang kepada penerimaan majikan serta industri terhadap graduan TVET. Pengiktirafan profesional kepada graduan TVET ini membuka lebih banyak peluang kepada majikan di sektor awam dan swasta termasuk GLC untuk menawarkan pakej pekerjaan yang lebih kompetitif dalam menyokong hasrat kerajaan bagi memperkasa golongan ini.
3. Kerajaan turut menggalakkan graduan TVET melengkapkan diri dengan lesen dan sijil kompetensi tambahan dari badan profesional sebagai usaha meningkatkan tahap kemahiran mereka. Kompetensi tambahan seperti *CISCO Certified Networking Associate (CCNA)* dalam bidang teknologi maklumat, *Certified Welding Supervisor (CWS)* dalam bidang kimpalan dan *AutoDesk Certified Profesional* dalam bidang rekabentuk berbantuan komputer (CAD) memberi peluang cerah kepada graduan TVET untuk ditawarkan pekerjaan dengan gaji yang lebih lumayan sama ada oleh majikan dalam atau luar negara
4. Kerajaan akan secara berterusan membantu dan memastikan graduan TVET ini mendapat gaji yang setimpal dengan kelayakan dan

kemahiran mereka melalui kerjasama strategik antara Kerajaan dengan pihak industri. Melalui kerjasama ini, pihak industri akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan TVET melalui pembangunan kurikulum, penyampaian latihan, perkongsian kepakaran dan peralatan serta seterusnya mengambil pelatih TVET yang telah dilatih berdasarkan acuan industri ini untuk terus bekerja.

5. Seterusnya, penghasilan graduan TVET berkualiti untuk memastikan keupayaan graduan mendapat gaji premium diperkukuhkan melalui strategi komprehensif yang telah digariskan dalam Dasar TVET Negara 2030. Graduan TVET berkualiti dapat dihasilkan melalui keseluruhan ekosistem TVET yang efektif merangkumi ketersediaan institusi/penyedia TVET yang cekap, tenaga pengajar yang kompeten serta kurikulum dan penyampaian program berfokuskan industri. Penambahbaikan mekanisme pelaksanaan TVET dilaksanakan secara komprehensif dan berterusan untuk memastikan bakal tenaga kerja yang dilatih memiliki kompetensi bertepatan dengan adaptasi teknologi terkini di industri.

Sekian, terima kasih.